

# INFO PTPTN



EDISI 2011





# INFO PTPTN

## EDISI 2011



Maklumat adalah tertakluk kepada sebarang perubahan yang ditetapkan oleh PTPTN.

# KATA-KATA ALUAN



**Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah berjaya menerbitkan INFO PTPTN Edisi 2011.

INFO PTPTN Edisi 2011 merupakan penerbitan siri kedua selepas FAKTA RINGKAS PTPTN Edisi 2009. Selaras dengan penambahbaikan isi kandungan, susunan dan kualiti terbitan yang lebih mantap berbanding edisi pertama, maka naskhah ini telah dijenamakan semula sebagai INFO PTPTN Edisi 2011. Isi kandungan utama edisi ini memberi tumpuan kepada kaedah pelaksanaan dan peraturan yang ditetapkan bagi aktiviti PTPTN iaitu Wang Pendahuluan Pembiayaan, Skim Pinjaman Pendidikan dan Skim Simpanan Pendidikan Nasional. Di samping itu, ia turut memuatkan maklumat korporat, statistik, soalan-soalan lazim dan direktori perhubungan.

INFO PTPTN ini diterbitkan atas inisiatif mewujudkan pelbagai saluran komunikasi bagi memastikan maklumat tepat mengenai PTPTN dengan lebih cepat dan mudah dicapai. Ia juga menjadi sumber rujukan dan panduan pegawai dalam pelaksanaan tugas. Di samping itu, ia juga menjadi sumber alternatif capaian maklumat mengenai PTPTN oleh pelanggan dan stakeholders PTPTN.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai PTPTN yang terlibat dalam usaha merealisasikan penerbitan INFO PTPTN ini. Semoga hasrat penerbitan ini dapat dicapai dengan jayanya.

Wassalam.



AGOS BIN CHOLAN

# KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

## Kata-Kata Aluan

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Fungsi, Misi, Visi, Objektif, Piagam Pelanggan

i  
3 - 4

### 2. AKTIVITI UTAMA

#### 2.1 WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN (WPP)

- 2.1.1 Syarat-Syarat Pemberian WPP
- 2.1.2 Kaedah Pengeluaran WPP
- 2.1.3 Polisi Bayaran Balik WPP

6

#### 2.2 SKIM PINJAMAN PENDIDIKAN (SPP)

- 2.2.1 Permohonan Secara Dalam Talian
- 2.2.2 Pengurusan Pembiayaan Pendidikan Berasaskan Syariah Islam ("Ujrah"/ Upah)
- 2.2.3 Skop Pembiayaan Pendidikan
- 2.2.4 Kelayakan Memohon Pembiayaan Pendidikan
- 2.2.5 Kategori Pembiayaan Pendidikan
- 2.2.6 Pengeluaran Pembiayaan Pendidikan
- 2.2.7 Pemberhentian/ Pengantungan Pengeluaran Pembiayaan Pendidikan
- 2.2.8 Jumlah Pembiayaan Pendidikan

7 - 12

#### 2.3 BAYARAN BALIK PINJAMAN/ PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

- 2.3.1 Tempoh Mula Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan
- 2.3.2 Kos Pentadbiran Dan "Ujrah"/ Upah
- 2.3.3 Kaedah Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan
- 2.3.4 Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan
- 2.3.5 Pengecualian Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan Bagi Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Kelas Pertama
- 2.3.6 Tindakan Pengutuskaasan (Saman Dan Senarai Hitam)
- 2.3.7 Usaha-Usaha Untuk Meningkatkan Prestasi Bayaran Balik

13 - 19

#### 2.4 SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)

- 2.4.1 Ciri-Ciri Dan Keistimewaan
- 2.4.2 Pembukaan Akaun
- 2.4.3 Kategori Had Umur Bagi Tujuan Pembukaan Akaun
- 2.4.4 Kaedah Simpanan SSPN
- 2.4.5 Penyata Akaun SSPN Dan Penyata Ringkasan Pelepasan Cukai
- 2.4.6 Pengeluaran Deposit Dan Penutupan Akaun

20 - 23

### 3. KHIDMAT PESANAN RINGKAS (SMS)

#### 3.1 PEMBELIAN NO. PIN BAGI TUJUAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN SECARA DALAM TALIAN PTPTN

- 3.1.1 Pendaftaran Di ATM/ CDM
- 3.1.2 Format SMS

25

#### 3.2 SENARAI SEMAKAN MAKLUMAT MELALUI SMS

26

### 4. PENGIFTIRAFAN

#### 4.1 MS ISO 9001:2008

#### 4.2 PENARAFAN BINTANG (STAR RATING)

#### 4.3 MOST OUTSTANDING MERCHANT 2009 PAYMENT MODEL

#### 4.4 KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF PERINGKAT KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT) TAHUN 2009

#### 4.5 LAMAN WEB/ PORTAL

### 5. STATISTIK

30 - 32

### 6. SOALAN-SOALAN LAZIM

34 - 70

### 7. DIREKTORI PENTING

72

### 8. MAKLUMAT PERHUBUNGAN

74

# 1



## Maklumat Korporat

- FUNGSI
- VISI
- MISI
- OBJEKTIF
- PIAGAM PELANGGAN

# MAKLUMAT KORPORAT

## Fungsi, Misi, Visi, & Objektif



### 1. MAKLUMAT KORPORAT

PTPTN telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1997. PTPTN mula beroperasi pada 1 November 1997 di Bangunan Wisma Chase Perdana, Off Jalan Semantan, Damansara Heights, Kuala Lumpur.

## FUNGSI

- Menguruskan pembiayaan untuk tujuan pendidikan tinggi dan seterusnya memungut bayaran balik pinjaman.
- Menyediakan skim simpanan dan mengurus deposit untuk tujuan pendidikan tinggi.
- Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang diberikan kepada PTPTN oleh mana-mana undang-undang bertulis.

## VISI

Menjadi sebuah institusi kewangan dengan sumber kewangan sendiri bagi pembiayaan pendidikan pada tahun 2025.

## MISI

Mengurus kumpulan wang bagi tujuan pendidikan tinggi.

## OBJEKTIF

Memastikan pembiayaan yang efisien disediakan kepada pelajar-pelajar yang layak mengikuti pengajian di Institusi Pengajaran Tinggi (IPT) selaras dengan hasrat Kerajaan bahawa tidak ada pelajar-pelajar yang gagal memasuki IPT atas sebab-sebab kewangan.

# MAKLUMAT KORPORAT

## Piagam Pelanggan



## PIAGAM PELANGGAN

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) komited untuk menguruskan pembiayaan pendidikan kepada pelajar, menerima deposit untuk skim simpanan dan lain-lain fungsi mengikut Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) dengan profesionalisma dan akauntabiliti yang tinggi dan berkesan.**

### Kami berjanji akan :

- Memproses permohonan pembiayaan yang lengkap dalam tempoh 5 hari bekerja selepas tarikh tutup permohonan mengikut kelompok yang ditetapkan.
- Memaparkan keputusan permohonan pembiayaan pada hari bekerja pertama selepas tarikh akhir proses permohonan.
- Memastikan pengeluaran pembiayaan baru dibuat tidak melebihi 21 hari bekerja selepas dokumen perjanjian pembiayaan yang sempurna diterima.
- Memastikan pengeluaran pembiayaan berikutnya dibuat tidak melebihi 7 hari bekerja dari tarikh pemprosesan pengeluaran pembiayaan.
- Memproses permohonan pembukaan akaun SSPN tidak lebih 14 hari bekerja selepas penerimaan dokumen permohonan yang lengkap.
- Memproses permohonan pengeluaran deposit SSPN tidak lebih 14 hari bekerja selepas penerimaan borang permohonan yang lengkap.
- Memberi jawapan segera ke atas sebarang pertanyaan/ aduan pelanggan dalam tempoh tidak lewat dari 7 hari bekerja selepas pertanyaan/ aduan diterima.

# 2



## Aktiviti Utama

- WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN (WPP)
- SKIM PINJAMAN PENDIDIKAN (SPP)
- BAYARAN BALIK PINJAMAN/ PEMBIAYAAN PENDIDIKAN
- SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)

# AKTIVITI UTAMA

## Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP)



## 2. AKTIVITI UTAMA

### 2.1 WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN (WPP)

Pengagihan WPP adalah bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar yang baru pertama kali akan menjelaskan kaki ke IPTA dan Politeknik. Sebelum ini, proses agihan tersebut dikenali sebagai Wang Pendahuluan Diri (WPD). Ianya telah mula dilaksanakan pada tahun 1999. Bermula pada tahun 2003 proses agihan Wang Pendahuluan Diri (WPD) telah ditukar kepada Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP). Mulai Disember 2008, dikenali sebagai Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) iaitu selaras dengan kaedah baru pengurusan pembiayaan pendidikan PTPTN berdasarkan Syariah Islam ("Ujrah"/ Upah).

#### 2.1.1 Syarat-Syarat Pemberian WPP

- a) Pendapatan keluarga tidak melebihi RM4,000.
- b) Pelajar ditawarkan pengajian di IPTA dan Politeknik.
- c) Pelajar tidak pernah menunaikan WPP sebelum ini.
- d) Pelajar tidak pernah menerima pembiayaan pendidikan PTPTN.

#### 2.1.2 Kaedah Pengeluaran WPP

- a) PTPTN mengepos waran WPP kepada pelajar-pelajar yang berjaya mendapat tempat di IPTA dan Politeknik dalam masa 2 minggu sebelum pelajar mendaftarkan diri ke IPTA dan Politeknik.
- b) Pelajar boleh menunaikan waran WPP berkenaan di mana-mana cawangan CIMB Bank Berhad di seluruh negara dalam tempoh sebulan daripada tarikh waran berkenaan.

#### 2.1.3 Polisi Bayaran Balik WPP

- a) Penunai WPP dikehendaki memohon pembiayaan pendidikan PTPTN dengan segera pada semester pertama.
- b) Penunai WPP yang telah memohon dan diluluskan pembiayaan pendidikan PTPTN, pemotongan terus WPP daripada jumlah pembiayaan pendidikan akan dibuat secara automatik pada semester yang sama atau berikutnya.
- c) Penunai WPP yang tidak diluluskan pembiayaan pendidikan PTPTN dalam tempoh 7 bulan daripada tarikh waran, adalah dikehendaki membayar balik WPP beserta pampasan (ta'wid) sebanyak RM150 dengan serta merta.
- d) Penunai WPP yang meninggal dunia, tuntutan bayaran balik tetap dibuat kepada waris terdekat penunai.
- e) Bayaran balik WPP ini akan dibuat secara potongan daripada pembiayaan pendidikan PTPTN.

# AKTIVITI UTAMA

## Skim Pinjaman Pendidikan (SPP)



### 2.2 SKIM PINJAMAN PENDIDIKAN (SPP)

Skim Pinjaman Pendidikan (SPP) diwujudkan bagi tujuan memberi pembiayaan pendidikan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di IPT tempatan. Pembiayaan pendidikan ini membolehkan pelajar membayai sepenuh atau sebahagian yuran pengajian dan juga kos sara hidup sepanjang tempoh pengajian mereka di IPT. Sekali gus, membuka lebih banyak peluang kepada semua golongan pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pendidikan tinggi.

Selaras dengan keperluan untuk melaksanakan pembiayaan pendidikan berlandaskan prinsip Syariah, PTPTN telah memperkenalkan pembiayaan pendidikan dengan berasaskan kaedah "Ujrah" atau Upah (pembiayaan "Ujrah"). Upah yang dikenakan adalah pada kadar 1% setahun atas kadar rata dan menggantikan kaedah pinjaman sedia ada yang mengenakan kos pentadbiran 3% dan 5% setahun atas baki kuranggan. Kaedah "Ujrah" ini adalah selaras dengan Syariah Islam sebagaimana yang telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Ugama Islam pada 28 Julai 2008. Kaedah ini juga telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 6 Ogos 2008 dan berkuatkuasa mulai 1 Jun 2008.

Tawaran pembiayaan ini telah dibuat kepada pelajar-pelajar baru mulai 22 Disember 2008. Bagi peminjam sedia ada, tawaran perubahan kepada pembiayaan "Ujrah" dibuat secara berperingkat mulai 1 Ogos 2009. Tawaran perubahan ini adalah kepada peminjam yang masih mempunyai baki pinjaman pada tarikh kuatkuasa. Peminjam yang telah dikenakan tindakan undang-undang (saman), atau telah melanggar perjanjian pinjaman terdahulu (batal pinjaman, gagal pengajian, berhenti pengajian dan mendapat penaja lain) dan telah mendapat pengecualian bayaran balik kerana menamatkan pengajian dengan kelulusan ijazah Kelas Pertama tidak dipertimbangkan bagi tawaran perubahan ini.

#### 2.2.1 Permohonan Secara Dalam Talian

Permohonan bagi pembiayaan pendidikan PTPTN adalah secara dalam talian melalui laman web PTPTN.

#### 2.2.2 Pengurusan Pembiayaan Pendidikan Berasaskan Syariah Islam ("Ujrah"/ Upah)

- a) Pelajar/ kelulusan baru pembiayaan pendidikan mulai Disember 2008
  - (i) Pelajar yang diluluskan pembiayaan pendidikan mulai 22 Disember 2008 akan ditawarkan terus pembiayaan mengikut kaedah baru ("Ujrah" 1% setahun atas kadar rata).
- b) Peminjam sedia ada (kelulusan sebelum Disember 2008)
  - (i) Tawaran perubahan pinjaman sedia ada (3% dan 5% setahun) kepada pembiayaan pendidikan "Ujrah" 1% setahun dibuat secara berperingkat.

# AKTIVITI UTAMA

## Skim Pinjaman Pendidikan (SPP)

- (ii) Tawaran ini layak diterima oleh peminjam-peminjam yang masih mempunyai baki pinjaman pendidikan PTPTN pada tarikh kuatkuasa kecuali bagi kes-kes berikut:
- Telah dikenakan tindakan saman.
  - Peminjam yang telah melanggar perjanjian pinjaman pendidikan terdahulu – (batal pinjaman pendidikan, gagal pengajian, berhenti pengajian dan mendapat penaja lain).
  - Peminjam yang telah mendapat pengecualian bayaran balik kerana menamatkan pengajian dengan kelulusan Ijazah Kelas Pertama.
  - Telah tamat tempoh/ jadual bayaran balik pinjaman pendidikan asal sebelum 1 Jun 2008.
- (iii) Mulai 20 September 2010, PTPTN telah mula membuat hebahan di dalam laman web mengenai pengemaskinian maklumat peminjam bagi tujuan pertukaran pinjaman kepada pembiayaan pendidikan berdasarkan kaedah "Ujrah".
- (iv) Dokumen tawaran "Ujrah" akan dikeluarkan pada setiap minggu. Bagi peminjam yang telah mendaftar dan mengemas kini maklumat pada minggu semasa, dokumen tawaran akan dikeluarkan pada minggu yang berikutnya.
- (v) Kelompok pelajar terlibat akan dimaklumkan melalui e-mel yang daftarkan atau pelajar boleh membuat semakan terus di laman web PTPTN untuk mengambil tindakan berikut:
- Muat turun dan cetak dokumen tawaran daripada e-mel masing-masing atau melalui laman web PTPTN.
  - Lengkapkan dokumen tawaran.
  - Hantar/ serah semula kepada PTPTN dalam tempoh 90 hari daripada tarikh surat tawaran.
- c) Cara-cara untuk mendapatkan tawaran "Ujrah" bagi peminjam sedia ada (kelulusan pinjaman pendidikan sebelum Disember 2008)
- (i) Membuat pendaftaran melalui laman web PTPTN dengan menggunakan no. kad pengenalan dan memasukkan alamat e-mel peminjam.
  - (ii) Mengemas kini maklumat yang diperlukan melalui *link* yang dihantar ke alamat e-mel peminjam yang didaftarkan.
  - (iii) Mencetak dan menandatangan dokumen tawaran yang dihantar ke alamat e-mel peminjam.
  - (iv) Menghantar dokumen tawaran yang lengkap kepada PTPTN dalam tempoh 90 hari daripada tarikh surat tawaran.
- d) Pendaftaran dan pengemaskinian maklumat boleh dibuat oleh peminjam pada bila-bila masa, selewat-lewatnya pada 30 September 2011.

# AKTIVITI UTAMA

## Skim Pinjaman Pendidikan (SPP)

### 2.2.3 Skop Pembiayaan Pendidikan

Terbuka kepada pelajar-pelajar yang mengikuti peringkat pengajian seperti di Jadual 1:

**Jadual 1 : Skop Pembiayaan Pendidikan PTPTN**

Peringkat Pengajian	Kategori IPT Yang Dibiayai
Diploma Sepenuh Masa	IPTA, Politeknik dan IPTS
Diploma Separuh Masa	IPTA, Politeknik dan IPTS*
Diploma PJJ	IPTA
Diploma Lanjutan	IPTA dan Politeknik
Ijazah Pertama Sepenuh Masa	IPTA dan IPTS
Ijazah Pertama Separuh Masa	IPTA dan IPTS*
Ijazah Pertama PJJ	IPTA
Sarjana Sepenuh Masa/ Separuh Masa/ PJJ	IPTA
Doktor Falsafah Sepenuh Masa/ Separuh Masa/ PJJ	IPTA
Kursus Profesional Sepenuh Masa/ Separuh Masa/ PJJ	IPTA

**Nota :**

\* Pembiayaan pendidikan hanya terhad kepada pelajar UNITEM, UNITAR, Wawasan Open University dan Asia E University.

### 2.2.4 Kelayakan Memohon Pembiayaan Pendidikan

- a) Warganegara Malaysia.
- b) Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon.
- c) Lulus SPM dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran; atau
- d) Lulus SPM dan memperolehi CGPA 3.0 ke atas untuk pelajar lepasan Sijil Kolej Komuniti yang mendapat tawaran pengajian ke peringkat Diploma Politeknik sahaja atau pelajar lepasan Diploma Politeknik yang mendapat tawaran pengajian ke peringkat Ijazah Pertama di IPTA atau IPTS.
- e) Bagi pelajar-pelajar IPTA/ IPTS/ Politeknik, kursus yang diikuti mestilah mendapat kelulusan pendaftaran daripada Jabatan Pengurusan IPT (IPTA/ IPTS)/ Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi.
- f) Bagi pelajar-pelajar IPTS, kursus yang diikuti mestilah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA dan belum tamat tempoh sah laku semasa permohonan dikemukakan.

# AKTIVITI UTAMA

## Skim Pinjaman Pendidikan (SPP)

- g) Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan yang berbeza daripada yang disyaratkan di perenggan (e) dan (f), pengesahan bawaht kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan.
- h) Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari 1 tahun.
- i) Tiada penaja lain.
- j) Pelajar perlu mempunyai akaun simpanan SSPN sebelum membuat permohonan.

### 2.2.5 Kategori Pembiayaan Pendidikan

Penetapan kategori pembiayaan pendidikan adalah berdasarkan pendapatan bersih bulanan seisi keluarga dan jumlah tanggungan. Mulai 1 Julai 2010, had pendapatan bersih bulanan seisi keluarga telah dipinda seperti di Jadual 2:

**Jadual 2 : Kategori Pembiayaan Pendidikan PTPTN**

Kategori Pembiayaan Pendidikan	Pendapatan Bersih (RM)*
Penuh	Pendapatan tidak melebihi 4,000
Sebahagian	Pendapatan melebihi 4,000 hingga 5,000
Yuran	Pendapatan melebihi 5,000

**Nota :**

\* Pendapatan bersih akan ditolak dengan jumlah tanggungan (1 tanggungan = RM250)

### 2.2.6 Pengeluaran Pembiayaan Pendidikan

- a) Pengeluaran kali pertama hanya akan dibuat setelah perjanjian yang sempurna diterima oleh PTPTN.
- b) Pengeluaran seterusnya hanya akan dibuat setelah PTPTN menerima pengesahan status pelajar daripada IPT masing-masing.
- c) Wang pembiayaan akan dikreditkan terus ke akaun pelajar/ IPT.

### 2.2.7 Pemberhentian/ Pengantungan Pengeluaran Pembiayaan Pendidikan

- a) Pembiayaan pendidikan tidak akan dikeluarkan (digantung) kepada pelajar pada mana-mana semester atas sebab-sebab berikut:
  - (i) Memperoleh keputusan peperiksaan PNG/ GPA di bawah 2.0.
  - (ii) Menangguh pengajian.
  - (iii) Dikenakan tindakan tatatertib.

# AKTIVITI UTAMA

## Skim Pinjaman Pendidikan (SPP)

- b) Pembiayaan pendidikan akan diberhentikan terus atas sebab-sebab berikut:
- Gagal meneruskan pengajian pada peringkat/ jurusan/ IPT yang diluluskan semasa permohonan pembiayaan pendidikan.
  - Menerima tajaan lain.
  - Pemalsuan maklumat semasa permohonan.
  - Peminjam diisyithar muflis.

### 2.2.8 Jumlah Pembiayaan Pendidikan

**Jadual 3 : Jumlah Pembiayaan Pendidikan PTPTN**

INSTITUSI	PERINGKAT PENGAJIAN	JURUSAN PENGAJIAN	JUMLAH PEMBIAYAAN SETAHUN			
			SEPUHUH MASA			
				PENUH	SEBAHAGIAN	YURAN
IPTA & POLITEKNIK	Doktor Falsafah	Sains/ Sastera	Maksima RM26,000 *	Maksima RM26,000 *	Maksima RM26,000 *	
		Farmasi, Pergigian & Perubatan	Maksima RM26,000 *	Maksima RM26,000 *	Maksima RM26,000 *	
	Sarjana	Sains/ Sastera	Maksima RM10,000 *	Maksima RM10,000 *	Maksima RM10,000 *	
		Farmasi, Pergigian & Perubatan	Maksima RM10,000 *	Maksima RM10,000 *	Maksima RM10,000 *	
	Kursus Profesional	Sains/ Sastera	Maksima RM6,000 *	Maksima RM6,000 *	Maksima RM6,000 *	
	Ijazah Pertama	Sains	RM7,000	RM3,500	RM2,100	
		Farmasi, Pergigian & Perubatan	RM7,000	RM3,500	RM2,300	
		Sastera	RM6,500	RM3,000	RM1,100	
	Diploma Lanjutan	Sains	RM7,000	RM3,500	RM2,100	
		Sastera	RM6,500	RM3,000	RM1,100	
	Diploma	Sains/ Sastera	RM5,000	RM2,500	RM1,000	

# AKTIVITI UTAMA

## Skim Pinjaman Pendidikan (SPP)

INSTITUSI	PERINGKAT PENGAJIAN	JURUSAN PENGAJIAN	JUMLAH PEMBIAYAAN SETAHUN		
<b>SEPARUH MASA / JARAK JAUH</b>					
IPTA & POLITEKNIK	Doktor Falsafah	Sains/ Sastera	-	-	Maksima RM26,000 **
		Farmasi, Pergigian & Perubatan	-	-	Maksima RM26,000 **
	Sarjana	Sains/ Sastera	-	-	Maksima RM10,000 **
	Kursus Profesional	Sains/ Sastera	-	-	Maksima RM6,000 **
	Ijazah Pertama	Sains/ Sastera	-	-	Maksima RM6,500 **
	Diploma	Sains/ Sastera	-	-	Maksima RM5,000 **
<b>SEPENUH MASA</b>					
IPTS	Ijazah Pertama	Sains	Maksima RM16,500	Maksima RM13,500	Maksima RM 10,500
		Sastera	Maksima RM16,000	Maksima RM13,000	Maksima RM 10,000
		Diploma	Sains/ Sastera	Maksima RM8,000 *	Maksima RM8,000 *
Universiti/ Kolej Perubatan & Sains Kesihatan Bersekutu	Ijazah Pertama (MBBS/ MD)	Perubatan	Maksima RM 30,000 *	Maksima RM 30,000 *	Maksima RM 30,000 *
	Ijazah Pertama (Perubatan & Sains Kesihatan Bersekutu)	Farmasi, Pergigian & Perubatan	Maksima RM 20,000 *	Maksima RM 20,000 *	Maksima RM 20,000 *
	Diploma (Perubatan & Sains Kesihatan Bersekutu)	Farmasi, Pergigian & Perubatan	Maksima RM 15,000 *	Maksima RM 15,000 *	Maksima RM 15,000 *
<b>SEPARUH MASA</b>					
UNITEM/ Wawasan Open University/ UNITAR/ Asia E University			PENUH	SEBAHAGIAN	YURAN
	Ijazah Pertama	Sains	-	-	Maksima RM4,200 **
		Sastera	-	-	Maksima RM4,200 **
	Diploma	Sains/ Sastera	-	-	Maksima RM3,700 **

Maklumat adalah tertakluk kepada sebarang perubahan yang ditetapkan oleh PTPTN.

**Nota :**

\* Jumlah pembiayaan pendidikan sebenar ditentukan mengikut yuran pengajian dan ditambah dengan kos sara hidup berdasarkan pendapatan ibu/ bapa/ penjaga tetapi tidak melebihi jumlah maksima yang ditetapkan.

\*\*Jumlah pembiayaan pendidikan sebenar ditentukan mengikut yuran pengajian sahaja dan tidak melebihi jumlah maksima yang ditetapkan.

# AKTIVITI UTAMA

## Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan

### 2.3 BAYARAN BALIK PINJAMAN/ PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Peminjam adalah bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah pinjaman/ pembiayaan pendidikan yang dikeluarkan kepadanya oleh PTPTN, termasuk kos-kos lain seperti kos pentadbiran, bayaran perlindungan insurans, bayaran cukai Setem Hasil dan lain-lain bayaran seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran pinjaman/ pembiayaan pendidikan yang telah ditandatangani oleh pihak PTPTN dan peminjam.

#### 2.3.1 Tempoh Mula Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan

- a) Bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan adalah bermula 6 bulan selepas tamat pengajian/ pembiayaan pendidikan.
- b) Bagi tajaan 2003 dan ke bawah, penetapan tempoh bayaran balik pinjaman pendidikan adalah mengikut peringkat pengajian pelajar seperti di Jadual 4:

**Jadual 4 : Tempoh Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan PTPTN Bagi Tajaan 2003 Dan Ke Bawah**

Tahun Tajaan 2003 Dan Ke Bawah		
Bil	Peringkat Pengajian	Tempoh Bayaran Balik
1	Diploma IPTA/ Politeknik/ IPTS	120 Bulan (10 tahun)
2	Ijazah IPTA (Sastera)	120 Bulan (10 tahun)
3	Ijazah IPTA (Sains)	180 Bulan (15 tahun)
4	Ijazah IPTS (Sastera)	180 Bulan (15 tahun)
5	Ijazah IPTS (Sains)	240 Bulan (20 tahun)

- c) Mulai 1 Januari 2004, penetapan tempoh bayaran balik adalah berdasarkan jumlah pinjaman/ pembiayaan pendidikan seperti di Jadual 5:

**Jadual 5 : Jumlah Dan Tempoh Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan PTPTN Mulai 1 Januari 2004**

Mulai 1 Januari 2004		
Bil	Jumlah Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan	Tempoh Bayaran Balik
1	RM10,000 dan ke bawah	60 Bulan (5 tahun)
2	RM10,001 hingga RM22,000	120 Bulan (10 tahun)
3	RM22,001 hingga RM50,000	180 Bulan (15 tahun)
4	RM50,001 ke atas	240 Bulan (20 tahun)

# AKTIVITI UTAMA

## Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan

- d) Tempoh bayaran balik bagi penerima biaya yang menerima penawaran pertukaran pinjaman dari 3% dan 5% setahun kepada pembiayaan pendidikan "Ujrah" 1% setahun berdasarkan tempoh mengikut jumlah baki pinjaman pada tarikh kuatkuasa.

### 2.3.2 Kos Pentadbiran Dan "Ujrah"/ Upah

**Jadual 6 : Pelaksanaan Kos Pentadbiran Dan "Ujrah"/ Upah**

Bil	Tarikh Kelulusan/ Kuatkuasa	Kos Pentadbiran/ Upah
1	Sebelum 1 Januari 2004	4% setahun atas baki berkurang
2	Mulai 1 Januari 2004	3% setahun atas baki berkurang
3	Mulai 1 Mac 2007 (kursus Sarjana, PhD dan Profesional sahaja)	5% setahun atas baki berkurang
4	Mulai 1 Jun 2008	1% setahun atas kadar rata*

**Nota :**

\* Kaedah baru pembiayaan pendidikan dengan pengenaan "Ujrah" atau upah sebanyak 1% setahun atas kadar rata (flat rate) adalah bagi menggantikan kaedah pinjaman sedia ada yang mengenakan kos pentadbiran 3% dan 5% setahun atas baki berkurang (reducing balance).

### 2.3.3 Kaedah Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan

**Jadual 7 : Kaedah Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan**

BIL	SALURAN	AGENSI/ EJEN
1	Kaunter	<ul style="list-style-type: none"><li>Ibu Pejabat PTPTN</li><li>One Stop Center PTPTN, KL Sentral</li><li>Bank Islam Malaysia Berhad</li><li>CIMB Bank Berhad</li><li>Bank Simpanan Nasional</li><li>Pos Malaysia Berhad</li></ul>
2	Potongan Gaji	<ul style="list-style-type: none"><li>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)</li></ul>
3	Perbankan Internet	<ul style="list-style-type: none"><li>CIMB Bank Berhad (<a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a>)</li><li>Maybank (<a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a>)</li><li>Public Bank Berhad (<a href="http://www.pbebank.com">www.pbebank.com</a>)</li><li>RHB Bank (<a href="http://www.rhb.com.my">www.rhb.com.my</a>)</li><li>Ambank (<a href="http://www.ambankgroup.com">www.ambankgroup.com</a>)</li><li>Pos Online (<a href="http://www.posonline.com.my">www.posonline.com.my</a>)</li></ul>

# AKTIVITI UTAMA

## Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan

BIL	SALURAN	AGENSI/ EJEN
4	Laman Web PTPTN (e-FES) Melalui Financial Processing Exchange (FPX)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bank Islam Malaysia Berhad</li><li>• CIMB Bank Berhad</li><li>• Public Bank Berhad</li><li>• Maybank</li><li>• Hong Leong Bank</li></ul>
5	Pengeluaran Wang Melalui Akaun II (KWSP)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)*</li></ul>

### Nota :

\* Syarat-syarat pengeluaran wang melalui Akaun II (KWSP) adalah seperti berikut:

- **Permohonan pengeluaran oleh Ahli:**
  - Bagi peringkat pengajian Ijazah dan Diploma : perjanjian pinjaman/ pembiayaan pendidikan adalah bagi 2 Januari 2001 dan ke atas.
- **Permohonan pengeluaran oleh ibu/Bapa peminjam:**
  - Bagi peringkat pengajian Ijazah : perjanjian pinjaman/ pembiayaan pendidikan adalah bagi April 2000 dan ke atas.
  - Bagi peringkat pengajian Diploma : perjanjian pinjaman/ pembiayaan pendidikan adalah bagi 17 Januari 2006 dan ke atas.

### 2.3.4 Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan

- a) Permohonan penangguhan perlu dikemukakan kepada PTPTN. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
- b) Kos pentadbiran dikenakan sepanjang tempoh penangguhan bayaran balik.
- c) Borang permohonan boleh didapati di laman web PTPTN.
- d) Tempoh penangguhan bayaran balik adalah mengikut kategori kelayakan dan kaedah permohonan adalah seperti di Jadual 8 dan di Jadual 9:

**Jadual 8 : Tempoh Penangguhan Yang Dibenarkan Oleh PTPTN**

Bil	Kategori Kelayakan	Tempoh Penangguhan
1	Peminjam yang telah menamatkan pengajian dan menyambung semula pengajian secara sepenuh masa.	Sepanjang tempoh pengajian baru.
2	Peminjam yang melanjutkan tempoh pengajian ( <i>Extend Semester</i> ).	Sepanjang tempoh pelanjutan yang dibenarkan oleh IPT.
3	Peminjam yang berstatus batal pembiayaan pendidikan dan menerima tajaan penaja lain.	Hanya dibenarkan bagi pembayaran PTPTN yang tidak bertindih dengan pembayaran penaja baru.

# AKTIVITI UTAMA

## Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan

Bil	Kategori Kelayakan	Tempoh Penangguhan
4	Peminjam yang telah menamatkan pengajian tetapi masih belum bekerja (tiada pendapatan).	Maksimum yang dibenarkan 24 bulan dari tarikh mula bayar balik pembiayaan pendidikan.

**Jadual 9 : Kaedah Permohonan Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan PTPTN**

Bil.	Kaedah Permohonan
1	Bagi permohonan penangguhan bayaran balik kerana <b>masih belajar</b> , peminjam perlu mengemukakan surat rasmi dan dokumen-dokumen seperti berikut: (i) Surat permohonan rasmi penangguhan atau borang permohonan penangguhan yang boleh didapati di laman web PTPTN. (ii) Surat tawaran pengajian terkini. (iii) Surat pengesahan daripada IPT menyatakan bila tarikh sebenar/ dijangka tamat pengajian sekiranya dalam surat tawaran tiada tempoh pengajian. (iv) Surat pengesahan daripada IPT menyatakan bila tarikh sebenar/ dijangka tamat pengajian (sekiranya menambah tempoh pengajian). (v) Surat tawaran penaja baru sekiranya melanjutkan pelajaran di luar negara.
2	Bagi permohonan penangguhan bayaran balik kerana <b>belum bekerja</b> , peminjam perlu mengemukakan surat rasmi dan dokumen-dokumen seperti berikut: (i) Surat rasmi memohon penangguhan atau borang permohonan penangguhan yang boleh didapati di laman web PTPTN; dan (ii) Surat sokongan dari Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang menyokong bahawa peminjam tidak bekerja; atau (iii) Penyata KWSP terkini (disahkan oleh pegawai KWSP); atau (iv) Surat pengesahan dari KWSP yang mengesahkan peminjam belum mencarum.

### 2.3.5 Pengecualian Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan Bagi Peminjam Yang Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Kelas Pertama

- Peminjam yang boleh memohon pengecualian bayaran balik terbahagi kepada:
  - Kelulusan tajaan pinjaman sebelum 1 Julai 2005; atau
  - Tamat pengajian mulai 1 Januari 2010.

# AKTIVITI UTAMA

## Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan

- b) Syarat-syarat kelulusan serta dokumen sokongan bagi pengecualian bayaran balik seperti di Jadual 10:

**Jadual 10 : Syarat Dan Kaedah Kelulusan Pengecualian Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan PTPTN**

Kelulusan Tajaan Pinjaman Pendidikan Sebelum 1 Julai 2005	Tamat Pengajian Mulai 1 Januari 2010
<p>Terbuka kepada pelajar-pelajar IPTA dan IPTS peringkat Ijazah Sarjana Muda yang mendapat keputusan Kepujian Kelas Pertama (bagi pelajar IPTS - terhad kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus yang mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA).</p> <p><b>Dokumen-dokumen yang perlu disertakan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Surat permohonan rasmi.</li><li>(ii) Salinan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya.</li><li>(iii) Salinan transkrip akademik.</li><li>(iv) Surat pengesahan Kelas Pertama (jika tidak dicatatkan perkataan "Kelas Pertama" pada Ijazah).</li><li>(v) Salinan Sijil Perakuan Akreditasi oleh MQA diperlukan jika kelulusan pemohon adalah daripada IPTS.</li></ul> <p><b>Nota:</b> Semua salinan dokumen dan surat pengesahan hendaklah disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Bahagian Akademik IPT berkenaan sahaja.</p>	<p>Pelajar-pelajar yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan memperolehi Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya bermula 1 Januari 2010 berdasarkan kelulusan senat dan memenuhi syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Mengikuti kursus secara sepenuh masa.</li><li>(ii) Berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam dokumen perjanjian pinjaman/pembiayaan pendidikan PTPTN.</li><li>(iii) Pinjaman/ pembiayaan pendidikan PTPTN tidak bertindih dengan sebarang penajaan lain.</li><li>(iv) Pelajar hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap kepada PTPTN dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh pengijazahan semasa konvolesyen.</li><li>(v) Kursus yang diikuti oleh pelajar di IPTS telah memperolehi Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA.</li></ul> <p><b>Dokumen-dokumen yang perlu disertakan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>(i) Surat permohonan rasmi.</li><li>(ii) Salinan Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT berkaitan.</li><li>(iii) Salinan transkrip keputusan peperiksaan yang disahkan oleh Bahagian Akademik IPT berkaitan.</li><li>(iv) Akuan Pelajar yang telah lengkap diisi (boleh dimuat turun di laman web PTPTN).</li><li>(v) Bagi pelajar IPTS, salinan Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA.</li></ul> <p><b>Nota:</b> Semua salinan dokumen dan surat pengesahan hendaklah disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Bahagian Akademik IPT berkenaan sahaja.</p>

# AKTIVITI UTAMA

## Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan

- c) Pelajar-pelajar yang menerima penajaan lain dan bertindih dengan pinjaman/ pembiayaan pendidikan PTPTN, menukar jurusan, peringkat pengajian dan IPT tanpa kelulusan PTPTN atau melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan dalam perjanjian pinjaman/ pembiayaan pendidikan PTPTN, tidak akan dipertimbangkan untuk kemudahan ini.
- d) Pelajar perlu membuat bayaran balik seperti mana yang ditetapkan sehingga permohonan pengecualian bayaran balik diluluskan. Bagi mana-mana pelajar yang diluluskan dan telah membuat bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan secara penuh/ sebahagian, PTPTN akan membuat pemulangan kepada pelajar tersebut setelah ditolak apa-apa kos yang berkaitan (jika ada).

### 2.3.6 Tindakan Penguatkuasaan (Saman Dan Senarai Hitam)

#### a) Pendakwaan/ Saman Bagi Penarikan Balik Saman

Peminjam yang ingkar terhadap Notis Tuntutan/ *Letter Of Demand* (LOD) akan dikenakan tindakan saman. Kos pendakwaan yang dikenakan adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah yang diguna pakai oleh Mahkamah Rendah 1980 dan ke semua kos guaman tersebut akan ditanggung oleh peminjam. Peminjam perlu mengemukakan permohonan rayuan rasmi berhubung rancangan pembayaran yang bakal dilaksanakan beserta dokumen-dokumen sokongan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- (i) Surat rayuan rasmi.
- (ii) Penyata KWSP terkini (sekiranya ada).
- (iii) Salinan slip gaji terkini (sekiranya bekerja).
- (iv) Surat tawaran belajar (jika masih belajar/ pengesahan pindaan tarikh tamat pengajian dari IPT jika masih belum menamatkan pengajian).

Permohonan tersebut hendaklah dirujuk/ dihantar kepada Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan dan Kutipan Balik, PTPTN atau Panel Peguam PTPTN yang telah dilantik.

#### b) Senarai Hitam Peminjam

Tindakan penguatkuasaan senarai hitam merupakan langkah menghalang peminjam daripada ke luar negara dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Selain itu, peminjam juga tidak dapat memohon atau memperbaharui pasport. Tindakan ini diambil serentak dengan arahan LOD. Bagi pelepasan senarai hitam, peminjam dikehendaki mengemukakan permohonan rayuan rasmi berhubung rancangan pembayaran yang bakal dilaksanakan beserta dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:

- (i) Surat rayuan rasmi.
- (ii) Penyata KWSP terkini (sekiranya ada).

# AKTIVITI UTAMA

## Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan

- (iii) Salinan slip gaji terkini (sekiranya bekerja).
- (iv) Surat tawaran belajar (jika masih belajar/ pengesahan pindaan tarikh tamat pengajian dari IPT jika masih belum menamatkan pengajian).

Permohonan di atas hendaklah dikemukakan kepada Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan dan Kutipan Balik, PTPTN.

- Tindakan saman/ senarai hitam merupakan langkah terakhir yang diambil oleh PTPTN ke atas peminjam yang dikategorikan sebagai peminjam tegar.

### 2.3.7 Usaha-Usaha Untuk Meningkatkan Prestasi Bayaran Balik

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan:

- a) Mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji secara tetap melalui LHDNM dan kemudahan pembayaran melalui kaunter atau secara dalam talian (*online*) oleh PTPTN dan ejen-ejen yang dilantik.
- b) Mengeluarkan notis arahan bayaran balik bagi peminjam yang telah tamat pengajian dan sepatutnya mula membuat bayaran balik serta mengeluarkan surat-surat peringatan bagi peminjam yang masih tidak membuat bayaran balik/ tidak membuat maklum balas.
- c) Mengeluarkan notis-notis peringatan/ notis tuntutan tunggakan kepada peminjam yang mempunyai tunggakan bayaran balik.
- d) Bekerjasama dengan IPT dan agensi-agensi lain untuk mengadakan taklimat kepada pelajar tahun akhir/ bakal graduan tentang kemudahan dan kepentingan membuat bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan PTPTN.
- e) Bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan, pihak swasta dan melantik ejen untuk mengesan peminjam.
- f) Menguatkuaskan Surat Pekeling daripada JPA mengenai kriteria kenaikan pangkat dan pemangkuan kakitangan awam.
- g) Mengadakan kempen bayaran balik pinjaman melalui media massa iaitu media cetak dan media elektronik.
- h) Melantik panel peguam bagi urusan penghantaran Surat Peringatan Terakhir, LOD dan tindakan saman serta penguatkuasaan perintah penghakiman daripada Mahkamah.
- i) Bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk menghalang peminjam ingkar daripada keluar negara, menolak permohonan bagi memperbaharui pasport dan menolak permohonan pasport baru.
- j) Melantik Agensi Pemungut Hutang (*Debt Collector*) bagi memungut hutang pinjaman pendidikan.

# AKTIVITI UTAMA

## Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)



### 2.4 SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)

SSPN adalah merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi.

#### 2.4.1 Ciri-Ciri Dan Keistimewaan

- Pelepasan cukai ke atas simpanan bersih tahun semasa sehingga RM3,000 setahun.
- Perlindungan insurans secara percuma ke atas pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas.
- Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak.
- Simpanan serendah RM20 pada bila-bila masa dan dijamin oleh Kerajaan.
- Kadar dividen yang kompetitif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan.
- Kemudahan menyimpan di lebih 1,500 ejen SSPN.
- Kemudahan menyimpan melalui potongan gaji.

#### A. Pelepasan Cukai

Pelepasan cukai pendapatan ke atas simpanan SSPN layak diberikan kepada:

- Ibu bapa dan ibu bapa angkat/ penjaga yang sah dari segi undang-undang yang menyimpan dalam akaun SSPN untuk manfaat anak diberi pelepasan sehingga maksimum RM3,000 setahun tertakluk kepada jumlah simpanan bersih tahun semasa.
- Ibu bapa yang membuat taksiran berasingan dan telah membuka akaun simpanan SSPN berasingan atas anak yang sama diberikan pelepasan sehingga maksimum RM3,000 seorang setahun.
- Ibu bapa yang membuat taksiran bersama dan telah membuka akaun simpanan SSPN berasingan diberi pelepasan sehingga maksimum RM3,000 setahun.

#### B. Perlindungan Insurans

Manfaat perlindungan insurans dan bayaran khairat kematian disediakan secara percuma kepada semua pendeposit yang layak dan tertakluk kepada Peraturan Insurans Berkelompok PTPTN.

- Pembayaran premium dan perlindungan:
  - Premium dibayar oleh PTPTN.
    - Perlindungan RM ke RM (*Dollar to Dollar*) (insurans am\*) dan RM100,000 (insurans amanah\*\*).
    - Khairat/ pampasan kematian untuk pendeposit (RM2,000) dan penerima manfaat (RM500).

# AKTIVITI UTAMA

## Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)

### **Nota :**

- \* **Insurans Am** - Akaun SSPN yang dibuka oleh ibu bapa/ penjaga/ mana-mana warganegara Malaysia untuk mana-mana warganegara Malaysia yang lain/ diri sendiri.
- \*\* **Insurans Amanah** - penerima manfaat adalah yatim piatu yang tinggal di rumah anak yatim dan akaun SSPN dibuka oleh pengetua/ wakil pengurusan rumah anak yatim tersebut.

### b) Syarat:

- (i) Had umur pendeposit 18 tahun hingga 65 tahun.
- (ii) Had umur penerima manfaat 1 hari hingga 28 tahun.
- (iii) Pendeposit mempunyai baki akaun sekurang-kurangnya RM1,000 pada setiap masa.

### C. Geran Sepadan

Geran Sepadan adalah insentif kewangan yang ditawarkan kepada pendeposit (ibu bapa atau penjaga yang sah dari segi undang-undang) yang mempunyai pendapatan bulanan keluarga (gaji pokok) tidak melebihi RM2,000 sebulan.

#### a) Kelayakan pemberian Geran Sepadan:

- (i) Pendeposit mempunyai pendapatan bulanan keluarga (gaji pokok) tidak melebihi RM2,000\*.
- (ii) Penerima manfaat (anak) diterima dan mendaftar masuk ke mana-mana Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh Kerajaan pada peringkat Diploma dan ke atas.
- (iii) Penerima manfaat hendaklah belum mencapai umur 29 tahun semasa permohonan pengeluaran Geran Sepadan.
- (iv) Tuntutan Geran Sepadan mestilah dibuat dalam tempoh pengajian penerima manfaat.

### **Nota:**

- \* Pembukaan akaun mulai 15 Januari 2010, penentuan pendapatan keluarga berasaskan semasa pengeluaran atau penutupan akaun manakala pembukaan akaun sebelum 15 Januari 2010, pendapatan bulanan keluarga adalah berdasarkan semasa pembukaan akaun.

### 2.4.2 Pembukaan Akaun

- a) Semua pembukaan akaun dan terimaan deposit SSPN boleh dilakukan di kaunter perkhidmatan PTPTN di One Stop Center, KL Sentral dan semua cawangan ejen SSPN di seluruh negara.
- b) Dokumen yang perlu disertakan semasa membuka akaun ialah :
  - (i) Salinan MyKad/ Kad Tentera/ Kad Polis pemohon.
  - (ii) Salinan Sijil Kelahiran/ My Kid/ MyKad anak.
  - (iii) Surat Perakuan/ Sijil Anak Angkat (bagi ibu bapa yang ingin membuka akaun bagi anak angkat di bawah jagaan sah mereka).

### **Nota:**

Semua penerima manfaat akan diberikan Kad SSPN atau apa-apa bentuk penentusahan keahlian SSPN.

# AKTIVITI UTAMA

## Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)

### 2.4.3 Kategori Had Umur Bagi Tujuan Pembukaan Akaun

Terdapat 3 kategori had umur bagi tujuan pembukaan akaun SSPN iaitu:

- Kategori 1 :  
Akaun dibuka oleh ibu bapa/ penjaga atau warganegara Malaysia yang lain untuk mana-mana warganegara Malaysia sebelum mencapai umur 29 tahun.
- Kategori 2 :  
Warganegara yang berumur 18 tahun ke atas mempunyai pilihan samada untuk mengekalkannya atau membuka akaun diri sendiri.
- Kategori 3 :  
Warganegara yang berumur 29 tahun ke atas, perlu membuka akaun diri sendiri.

### 2.4.4 Kaedah Simpanan SSPN

Jadual 11 : Kaedah Simpanan SSPN

BIL	SALURAN	AGENSI/ EJEN
1.	Kaunter	<ul style="list-style-type: none"><li>• One Stop Center PTPTN, KL Sentral</li><li>• Bank Simpanan Nasional</li><li>• CIMB Bank Berhad</li><li>• Agro Bank</li><li>• Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad</li><li>• Bank Islam Malaysia Berhad</li><li>• Maybank</li></ul>
2.	Potongan Gaji	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kakitangan Awam:<ul style="list-style-type: none"><li>- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)</li><li>- Perbadanan Negeri</li><li>- Badan Berkanun</li><li>- Pihak Berkuasa Tempatan</li></ul></li><li>• Kakitangan Swasta:<ul style="list-style-type: none"><li>- Persetujuan majikan masing-masing</li></ul></li></ul>
3.	Laman Web PTPTN (e-SSPN) Melalui <i>Financial Processing Exchange (FPX)</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• CIMB Bank Berhad</li><li>• Bank Islam Malaysia Berhad</li><li>• Maybank</li><li>• Hong Leong Bank</li><li>• Public Bank Berhad</li></ul>
4.	Secara Dalam Talian Melalui MyBayar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Portal Rasmi Kerajaan Malaysia (<a href="http://www.malaysia.com.my">www.malaysia.com.my</a>)</li></ul>

# AKTIVITI UTAMA

## Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)


BIL	SALURAN	AGENSI/ EJEN
5.	Perbankan Internet	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank (<a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a>)</li><li>• CIMB Bank Berhad (<a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a>)</li></ul>
6.	<i>Automated Teller Machine (ATM) dan Cash Deposit Machine (CDM)</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank</li><li>• Bank Simpanan Nasional</li></ul>
7.	Arahan Tetap	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank</li><li>• Bank Simpanan Nasional</li></ul>
8.	<i>Phone Banking</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank</li></ul>
9.	<i>Autodebit</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Agro Bank</li></ul>

### 2.4.5 Penyata Akaun SSPN Dan Penyata Ringkasan Pelepasan Cukai

Penyata Akaun SSPN akan diposkan ke alamat pendeposit setahun sekali. Penyata Akaun SSPN dan Penyata Ringkasan Pelepasan Cukai boleh disemak atau dicetak melalui laman web PTPTN.

### 2.4.6 Pengeluaran Deposit Dan Penutupan Akaun

Pendeposit boleh membuat pengeluaran deposit/ penutupan akaun pada bila-bila masa tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh PTPTN dari semasa ke semasa.



3



## Khidmat Pesanan Ringkas (SMS)

- PEMBELIAN NO. PIN BAGI TUJUAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN SECARA DALAM TALIAN PTPTN
- SENARAI SEMAKAN MAKLUMAT MELALUI SMS

# KHIDMAT PESANAN RINGKAS (SMS)

Pembelian No.PIN Bagi Tujuan Permohonan

Pembiayaan Pendidikan Secara Dalam Talian PTPTN

## 3. KHIDMAT PESANAN RINGKAS (SMS)

Kemudahan semakan melalui SMS disediakan oleh PTPTN bagi capaian maklumat pembiayaan pendidikan, bayaran balik dan urusan SSPN secara cepat dan tepat.

### 3.1 PEMBELIAN NO. PIN BAGI TUJUAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN SECARA DALAM TALIAN PTPTN

- a) *SMS Banking* ini terbuka kepada pelanggan BSN yang memegang akaun persendirian GIRO/ GIROi.
- b) Pendaftaran *SMS Banking* boleh dilakukan melalui 3 saluran iaitu:
  - (i) Kaunter BSN.
  - (ii) Mesin *Teller Automatik* (ATM).
  - (iii) Mesin Deposit Tunai (CDM).

#### 3.1.1 Pendaftaran Di ATM/ CDM

Langkah-langkah pendaftaran aplikasi SMS adalah seperti berikut:

- a) Pilih 'Bahasa'.
- b) Masukkan No.PIN.
- c) Pilih 'Urusan Lain'.
- d) Pilih 'Perbankan SMS'.
- e) Pilih 'Pendaftaran'.
- f) Masukkan No.telefon bimbit.
- g) 'Urusan Telah Berjaya'.
- h) Slip dikeluarkan bersama cetakan 4 digit UAC.
- i) SMS pendaftaran berjaya akan diterima (6 digit M-PIN + 2 digit UAC).

#### 3.1.2 Format SMS

- (i) Format pengaktifan:

ACT<jarak>M-PIN<jarak><4 digit UAC>

**Contoh : ACT 111222 123499 hantar ke 36898**

**Nota :**

XX adalah 2 digit UAC yang akan dihantar dalam SMS pertama

- (ii) Format pembelian No.PIN:

PIN<jarak>M-PIN<jarak>PTPTN<jarak>KP

**Contoh : PIN 123456 PTPTN 700519085801 hantar ke 36898**

- (iii) Format pengesahan:

**CONFIRM 1234 atau CANCEL 5678 hantar ke 36898**

# KHIDMAT PESANAN RINGKAS (SMS)

## Senarai Semakan Maklumat Melalui SMS



### 3.2 SENARAI SEMAKAN MAKLUMAT MELALUI SMS

- a) Semakan baki pinjaman/ pembiayaan pendidikan:  
PTPTN PINJAM<JARAK>NOKP<JARAK>NOPIN

**Contoh :**

- PTPTN PINJAM 880512019989 123456; atau
- PTPTN PINJAM RF123456 987654

- b) Semakan baki simpanan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN):

PTPTN SSPN<JARAK>NO AKAUN SSPN

**Contoh :** PTPTN SSPN 017704190598986

- c) Mendapatkan No.PIN:

PTPTN NOPIN<JARAK>NOKP

**Contoh :**

PTPTN NOPIN 820504159636

- d) Semakan status pelajar Senarai Hitam di PTPTN

PTPTN LEGAL<JARAK>NOKP<JARAK>NOPIN

**Contoh:**

PTPTN LEGAL 820504159636 123456

**Nota:**

Setiap SMS perlu dihantar ke **33199** dan akan dikenakan caj RM0.50 sen bagi setiap SMS. Beroperasi 24 jam sehari.

# 4



## Pengiktirafan



# PENGIKTIRAFAN



## 4. PENGIKTIRAFAN

Antara pengiktirafan yang diterima oleh PTPTN:

### 4.1 MS ISO 9001:2008

PTPTN telah memperolehi pengiktirafan MS ISO 9001:2000 pada 17 September 2004 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bagi skop pelaksanaan Proses Pengurusan Pembentukan Pendidikan kepada pelajar IPTS (kecuali bayaran balik pembentukan pendidikan).

Tempoh sah laku sijil adalah dari 17/09/2004 hingga 16/09/2007 dan tempoh sah laku sijil telah diperbaharui hingga 16/09/2013. Pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. juga telah memperakarkan penilaian pengiktirafan kepada piawaian MS ISO 9001:2008 pada Julai 2010. Kini, PTPTN dalam proses mendapatkan pengiktirafan MS ISO bagi semua aktiviti utama PTPTN.

### 4.2 PENARAFAN BINTANG (STAR RATING)

Program Penarafan Bintang (*Star Rating*) merupakan program yang dijalankan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri. Objektif program sebagai salah satu mekanisme pengukuran prestasi budaya kecemerlangan dalam Perkhidmatan Awam.

PTPTN telah dipilih untuk terlibat dalam program penilaian di bawah kategori 22 Agensi Kerajaan Sektor Awam yang dijalankan oleh MAMPU bagi tahun penilaian 2009. PTPTN telah diberi penarafan 3 bintang.

### 4.3 MOST OUTSTANDING MERCHANT 2009 PAYMENT MODEL

PTPTN diberi pengiktirafan *Most Outstanding Merchant 2009 Payment Model* pada 19 Januari 2010 oleh MEPS SDN.BHD.

### 4.4 KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF PERINGKAT KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT) TAHUN 2009

PTPTN telah berjaya mendapat tempat Naib Johan Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi tahun 2009.

### 4.5 LAMAN WEB / PORTAL

PTPTN telah mendapat tempat pertama Pertandingan Laman Web dalam kategori IPTA anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi tahun 2007, 2008 dan 2009.

Laman web PTPTN juga memperolehi penarafan 4 Bintang bagi kategori '*Malaysia Government Portals & Website Assessment*' bagi tahun 2010 anjuran Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC) dan MSC Malaysia.

5




# Statistik


# STATISTIK

## 5. STATISTIK

**Carta A : Kelulusan Keseluruhan Pembiayaan Pendidikan PTPTN Sehingga 31 Disember 2010**



**Carta B : Kelulusan Pembiayaan Pendidikan PTPTN Mengikut Jenis IPT Sehingga 31 Disember 2010**




IPTA (Kumulatif sehingga 31/12/2010)  
Amaun : RM20.8 billion (55.6%)  
Bilangan : 1,198,328 (70.5%)


IPTS (Kumulatif sehingga 31/12/2010)  
Amaun : RM16.6 billion (44.4%)  
Bilangan : 500,517 (29.5%)

# STATISTIK

**Carta C : Pengeluaran Pembiayaan Pendidikan PTPTN Kepada Peminjam Sehingga 31 Disember 2010**




**Carta D : Prestasi Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Sehingga 31 Disember 2010**




# STATISTIK

**Carta E : Prestasi SSPN Sehingga 31 Disember 2010**



Kumulatif sehingga 31/12/2010  
Deposit Diterima : RM424.0 juta  
Pengeluaran Deposit : RM21.2 juta  
Deposit Bersih : RM402.8 juta

**Carta F : Prestasi Pembukaan Akaun SSPN Sehingga 31 Disember 2010**



Kumulatif sehingga 31/12/2010  
Bil. Akaun : 968,661

6

## Soalan-Soalan Lazim



# SOALAN-SOALAN LAZIM



## 6. SOALAN-SOALAN LAZIM

### A. WANG PENDAHULUAN PEMBIAYAAN (WPP)

#### **Soalan 1 :**

Saya telah menerima surat tawaran kemasukan ke IPT, tetapi saya tidak bercadang untuk belajar di IPT tersebut. Bolehkah saya menuaikan WPP yang ditawarkan?

#### **Jawapan :**

Sekiranya anda menolak tawaran ke IPT, WPP tidak perlu ditunaikan. Tetapi jika WPP tersebut telah ditunaikan, anda dikehendaki membayar balik jumlah tersebut dalam tempoh 7 bulan daripada tarikh waran.

---

#### **Soalan 2 :**

Saya telah menerima tawaran untuk belajar di Politeknik (Peringkat Sijil). Ibu bapa saya berpendapatan kurang daripada RM4,000 sebulan. Kenapa saya tidak ditawarkan WPP?

#### **Jawapan :**

Pemberian WPP hanya diberikan kepada pelajar-pelajar yang menerima tawaran untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Pertama di IPTA dan Politeknik sahaja.

---

#### **Soalan 3 :**

Adakah WPP diberi secara percuma kepada pelajar yang kurang berkemampuan?

#### **Jawapan :**

WPP merupakan sebahagian daripada jumlah pembiayaan pendidikan yang diberikan lebih awal untuk persiapan pelajar sebelum mendaftar masuk ke IPT. Pelajar juga perlu memohon pembiayaan pendidikan PTPTN dan pemotongan terus WPP daripada pembiayaan pendidikan akan dibuat secara automatik pada semester yang sama atau semester berikutnya.

---

#### **Soalan 4 :**

Bagaimanakah cara untuk saya menuaikan WPP setelah dimaklumkan bahawa saya ditawarkan WPP?

#### **Jawapan :**

Anda dikehendaki untuk berurusan di mana-mana kaunter CIMB Bank Berhad dengan membawa bersama MyKad dan waran WPP yang diterima.

---

#### **Soalan 5 :**

Bagaimanakah untuk saya mendapatkan WPP?

#### **Jawapan :**

Bagi kemasukan ke IPTA mulai Sesi Akademik 2011/ 2012, anda perlu mengisi borang permohonan kemasukan ke IPT melalui Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (<http://upu.mohe.gov.my>). Sila tandakan **Ya** di segmen **G: LAIN-LAIN**

**MAKLUMAT TAMBAHAN** berkenaan persetujuan untuk menerima WPP bagi membenarkan proses semakan dan penawaran WPP dilakukan oleh PTPTN kepada pelajar-pelajar yang layak.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## B. SKIM PINJAMAN PENDIDIKAN (SPP)

### (I) PERMOHONAN

#### **Soalan 1 :**

**Apakah kelayakan bagi memohon pembiayaan pendidikan PTPTN?**

#### **Jawapan :**

Pelajar layak memohon pembiayaan pendidikan sekiranya memenuhi kelayakan berikut:

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon.
- iii. Lulus SPM dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran; atau
- iv. Lulus SPM dan memperolehi CGPA 3.0 ke atas untuk pelajar lepasan Sijil Kolej Komuniti yang mendapat tawaran pengajian ke peringkat Diploma Politeknik sahaja atau pelajar lepasan Diploma Politeknik yang mendapat tawaran pengajian ke peringkat Ijazah Pertama di IPTA atau IPTS.
- v. Bagi pelajar-pelajar IPTA/ IPTS/ Politeknik, kursus yang diikuti mestilah mendapat kelulusan pendaftaran daripada Jabatan Pengurusan IPT (IPTA/ IPTS)/ Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi.
- vi. Bagi pelajar-pelajar IPTS, kursus yang diikuti mestilah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada MQA dan belum tamat tempoh sah laku semasa permohonan dikemukakan.
- vii. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan yang berbeza daripada yang disyaratkan di perenggan (v) dan (vi), pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan.
- viii. Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari 1 tahun.
- ix. Tiada penaja lain.
- x. Pelajar perlu mempunyai akaun simpanan SSPN sebelum membuat permohonan.

---

#### **Soalan 2 :**

**Bagaimana cara untuk saya memohon pembiayaan pendidikan PTPTN secara dalam talian (*online*)?**

#### **Jawapan :**

Cara memohon pembiayaan pendidikan adalah seperti berikut:

- i. Pemohon hendaklah memohon pembiayaan pendidikan secara dalam talian melalui laman web Permohonan Pembiayaan Online di alamat (<http://www.ptptn.gov.my>).
- ii. Pemohon hanya dibenarkan memohon berpandukan tarikh yang telah ditetapkan mengikut IPT masing-masing. Panduan tarikh untuk membuat permohonan mengikut IPT berkaitan boleh dirujuk di dalam laman web PTPTN.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

- iii. Pemohon perlu membeli No. PIN bernilai RM5 di Bank Simpanan Nasional atau cawangan melalui 3 saluran di bawah sebelum membuat pendaftaran kali pertama permohonan pembiayaan pendidikan iaitu:
- Kaunter.
  - Mesin *Teller* Automatik (ATM).
  - Mesin Deposit Tunai (CDM).

**Nota :**

No.PIN hanya sah 6 bulan selepas tarikh daftar permohonan (pendaftaran kali pertama).

- iv. Pemohon hendaklah mendapat tawaran kemasukan ke IPT sebelum memohon pembiayaan pendidikan.
- v. Pemohon perlu mempunyai no. akaun individu mengikut bank yang telah ditetapkan oleh IPT masing-masing kecuali kepada pemohon yang mengikuti pengajian di IPT yang memberi kemudahan prapembukaan akaun bank untuk pelajarnya.
- vi. Bagi pemohon yang melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana/ PhD (Sepenuh Masa) di bawah pembiayaan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (Bajet Mini) dari Kementerian Pengajian Tinggi, pemohon hendaklah memilih nama kursus pengajian yang bermula dengan perkataan "Bajet Mini" di butiran nama program/ kursus.
- vii. Pemohon boleh menyemak keputusan permohonan pembiayaan pendidikan PTPTN di laman web Permohonan Pembiayaan *Online* bermula hari ke - **6 (hari bekerja)** selepas tarikh tutup permohonan dalam talian yang telah ditetapkan oleh PTPTN.
- viii. Pemohon yang berjaya ditawarkan pembiayaan pendidikan PTPTN perlu melayari laman web Permohonan Pembiayaan *Online* untuk mencetak dokumen yang disenaraikan.
- ix. Pastikan komputer anda mempunyai program '*Adobe Acrobat Reader*' untuk tujuan cetakan dokumen. Program tersebut boleh dimuat turun daripada laman web (<http://www.adobe.com/products/acrobat/>). Sila klik pada ikon 'Get ADOBE READER' dan 'Install' di komputer anda.
- x. Dokumen yang tersenarai di bawah hendaklah dicetak dengan menggunakan **kertas berwarna putih bersaiz A4 (80 gsm). Cetakan hanya dibenarkan pada satu muka sahaja untuk setiap helaihan (bagi satu-satu muka surat). Dakwat cetakan hendaklah berwarna hitam.**
- Sediakan 2 set (dibenarkan 1 set cetakan komputer dan 1 set salinan fotostat) **surat tawaran pembiayaan pendidikan (beserta Akuan Penerimaan, Surat Kebenaran 1, 2, 3 dan 4)**. Sila lengkapkan dan tandatangan kedua-dua set dokumen berkenaan \*\*.
  - Sediakan 2 set (dibenarkan 1 set cetakan komputer dan 1 set salinan fotostat) **Dokumen Perjanjian Pembiayaan Pendidikan**. Sila lengkapkan dan tandatangan kedua-dua set dokumen berkenaan \*\*.
  - Sediakan 2 set (dibenarkan 1 set cetakan komputer dan 1 set salinan fotostat) **Lampiran Perjanjian Pembiayaan Pendidikan**. Pelajar dikehendaki untuk tandatangan ringkas di setiap muka surat pada ruangan yang disediakan di bahagian bawah dokumen berkenaan\*\*.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

- Sediakan 2 keping Setem Hasil yang bernilai RM10 setiap satu Dokumen Perjanjian Pembiayaan Pendidikan yang telah disempurnakan, hendaklah dilekatkan dengan Setem Hasil bernilai RM10 di sudut atas kanan pada muka depan setiap set dokumen perjanjian. (**RUJUK LAMPIRAN A PADA DOKUMEN PERJANJIAN PEMBIAYAAN**).

**Nota :**

\*\* *Setiap set dokumen yang dilengkappkan adalah untuk tujuan simpanan dan rujukan penerima biaya dan PTPTN.*

- xi. Penerima biaya juga perlu mengemukakan bersama **SATU (1) SALINAN** dokumen sokongan yang telah **DISAHKAN/ DITANDATANGANI** seperti berikut:
- Maklumat permohonan pembiayaan** yang boleh dicetak di butang CETAK MAKLUMAT di dalam laman web Permohonan *Online* yang telah didaftarkan sebelum ini (dokumen ini tidak perlu disahkan).
  - Salinan Kad Pengenalan penerima biaya.** Salinan fotostat muka hadapan dan belakang kad pengenalan tersebut perlu dilakukan pada muka surat yang sama.
  - Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM/ SPMV).** Slip transkrip keputusan peperiksaan SPM/ SPMV hanya sah untuk digunakan sekiranya tidak melebihi tempoh 2 tahun dari tahun peperiksaan diambil.
  - Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke IPT.** Surat tawaran yang diperolehi melalui cetakan internet/ laman web IPT perlu disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional daripada IPT pelajar berkenaan sahaja.
  - Salinan buku akaun** (muka surat yang tercatat no. akaun)/ Slip Deposit Bank/ pengesahan no. akaun persendirian mengikut bank yang telah ditetapkan oleh IPT. Dokumen ini hanya perlu disediakan sekiranya berlaku kesilapan no.akaun pada dokumen perjanjian penerima biaya.
  - Salinan transkrip keputusan peperiksaan dan sijil kelayakan masuk lain.** Contoh: STPM/ Diploma/ Matrikulasi/ Ijazah/ Sarjana.
  - Salinan slip gaji/ Borang Cukai Pendapatan (Individu)/ Kad Pesara Penyata Pencen/ Surat Pengesahan Pendapatan/ Surat Pengesahan Tidak Bekerja - **Penjaga pertama (1)**.
  - Salinan slip gaji/ Borang Cukai Pendapatan (Individu)/ Kad Pesara Penyata Pencen/ Surat Pengesahan Pendapatan/ Surat Pengesahan Tidak Bekerja - **Penjaga kedua (2)**.
  - Salinan slip gaji/ Salinan Borang Cukai Pendapatan (Individu)/ Surat Pengesahan Pendapatan - **Penerima biaya**. (sekiranya penerima biaya masih bekerja).
  - Salinan slip gaji/ Borang Cukai Pendapatan (Individu)/ Surat Pengesahan Pendapatan/ Surat Pengesahan Tidak Bekerja - **Pasangan penerima biaya** (sekiranya penerima biaya telah berkahwin).
  - Surat Pengesahan/ Surat Akuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat/ Pusat Zakat sekiranya penerima bantuan bulanan dari Agensi berkenaan - **Penerima biaya/ ibu bapa kandung/ penjaga**.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

- Surat pengesahan pengalaman kerja daripada majikan (bagi penerima biaya yang menggunakan pengalaman kerja sebagai salah satu syarat kelayakan masuk).

**Bagi pelajar yang mengemukakan permohonan pada semester 2 dan ke atas, tambahan dokumen sokongan berikut diperlukan:**

- Surat pengesahan masih belajar dari IPT.
- Salinan keputusan peperiksaan setiap semester sebelumnya.

*(Setiap dokumen sokongan hendaklah difotostat dengan menggunakan kertas bersaiz A4 dan disahkan pegawai yang layak. Maklumat mengenai pegawai yang layak mengesahkan dokumen boleh didapati daripada laman web PTPTN.)*

---

### Soalan 3 :

Saya lulus SPM tetapi tidak mempunyai 3 kepujian dan telah diterima masuk ke IPTA. Bolehkah saya memohon pembiayaan pendidikan?

**Jawapan :**

Anda tidak layak memohon pembiayaan pendidikan. Namun demikian, kelonggaran syarat permohonan lulus SPM akan diberikan sekiranya anda termasuk di dalam kategori pelajar berikut:

- i. Pelajar lepasan Sijil Kolej Komuniti sahaja yang mendapat tawaran mengikuti pengajian ke peringkat Diploma di Politeknik dengan syarat pelajar memperolehi CGPA 3.0 ke atas di peringkat Sijil; atau
- ii. Pelajar lepasan Diploma Politeknik sahaja yang mendapat tawaran mengikuti pengajian ke peringkat ijazah di IPTA atau IPTS dengan syarat pelajar memperolehi CGPA 3.0 ke atas di peringkat Diploma.

---

### Soalan 4 :

Saya tidak memiliki SPM tetapi memiliki sijil UEC, adakah saya boleh memohon pembiayaan pendidikan?

**Jawapan :**

Anda tidak layak memohon pembiayaan pendidikan. Namun demikian, pengecualian syarat wajib lulus SPM diberikan bagi pelajar yang mempunyai kelulusan UEC tanpa SPM yang mengikuti pengajian diperingkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTS sahaja.

---

### Soalan 5 :

Saya mempunyai lebih dari 1 keputusan SPM, adakah saya boleh menggabungkan kesemua keputusan ini untuk memohon pembiayaan pendidikan PTPTN?

**Jawapan :**

Ya. Anda boleh menggabungkan keputusan-keputusan SPM yang lulus sahaja. Selain itu, hanya gred mata pelajaran yang tertinggi sahaja diambil kira.

---

### Soalan 6 :

Saya tidak mempunyai 3 kepujian dalam SPM tetapi telah diterima masuk ke IPT dengan kelayakan pengalaman kerja. Adakah saya boleh memohon pembiayaan pendidikan?

# SOALAN-SOALAN LAZIM

---

**Jawapan :**

Tidak boleh. Syarat untuk membuat permohonan pembiayaan pendidikan PTPTN adalah pemohon perlu lulus dalam SPM sekurang-kurangnya 3 kredit di dalam mana-mana mata pelajaran SPM.

---

**Soalan 7 :**

Saya ditawarkan mengikuti pengajian peringkat “bridging/foundation” di Politeknik. Adakah saya layak memohon pembiayaan pendidikan PTPTN?

**Jawapan :**

Anda tidak layak memohon kerana berdasarkan peraturan semasa, PTPTN tidak menawarkan pembiayaan pendidikan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat “bridging/foundation” Politeknik.

---

**Soalan 8 :**

Saya telah menamatkan pengajian peringkat Ijazah Pertama dengan mendapat pembiayaan pendidikan PTPTN. Sekiranya saya ingin mengikuti pengajian dalam bidang lain di peringkat Diploma, bolehkah saya memohon pembiayaan pendidikan PTPTN?

**Jawapan :**

Tidak boleh. Pembiayaan pendidikan kali kedua hanya akan dipertimbangkan kepada pelajar-pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dan meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

---

**Soalan 9 :**

Saya telah berhenti/ gagal pengajian di IPT dan ingin menyambung semula pengajian pada peringkat yang sama. Adakah saya masih boleh memohon pembiayaan pendidikan PTPTN?

**Jawapan :**

Boleh. Dengan syarat anda telah menyelesaikan sepenuhnya jumlah pembiayaan pendidikan yang telah diterima sebelum ini (jumlah pembiayaan pendidikan adalah tertakluk kepada pengesahan daripada Unit Lejar Pinjaman, Bahagian Akaun PTPTN).

---

**Soalan 10 :**

Saya ingin mengikuti pengajian pada peringkat Sarjana (*Master*) atau Doktor Falsafah (*PhD*) atau Kursus Profesional di IPTS, bolehkah saya memohon pembiayaan pendidikan PTPTN?

**Jawapan :**

Tidak boleh. PTPTN hanya memperluaskan skop penajaan pembiayaan pendidikan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian pada peringkat Sarjana (*Master*) atau Doktor Falsafah (*PhD*) atau Kursus Profesional di IPTA sahaja.

---

**Soalan 11 :**

Saya ditawarkan mengikuti pengajian peringkat separuh masa/ PJJ/ ePJJ di IPT tempatan. Adakah saya layak mendapat pembiayaan pendidikan PTPTN?

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## Jawapan :

Ya, anda layak memohon sekiranya mengikuti pengajian separuh masa di IPTA dan Politeknik. Untuk pelajar IPTS, hanya dibenarkan jika anda mengikuti pengajian di:

- i. Universiti Terbuka Malaysia (OUM).
- ii. Universiti Terbuka Wawasan.
- iii. Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR).
- iv. Asia E Universiti.

---

## Soalan 12 :

Saya ditawarkan mengikuti pengajian '*foundation*' di IPTS. Adakah saya layak membuat permohonan pembiayaan pendidikan PTPTN?

## Jawapan :

Ya, jika anda mengikuti pengajian di:

- i. Universiti Multimedia (MMU).
- ii. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).
- iii. Universiti Teknologi Petronas (UTP).
- iv. Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR).

---

## Soalan 13 :

Adakah PTPTN menawarkan pembiayaan pendidikan kepada pelajar peringkat Integrasi di Politeknik?

## Jawapan :

Ya. Pihak PTPTN ada menawarkan pembiayaan pendidikan bagi peringkat Integrasi di Politeknik sahaja bagi tempoh setahun.

---

## Soalan 14 :

Bolehkah saya memohon pembiayaan pendidikan PTPTN bagi program 2+1 (*twinning program*) yang dijalankan secara usaha sama dengan IPT luar negara. Program pengajian ini dijalankan selama 2 tahun di dalam negara dan 1 tahun di luar negara?

## Jawapan :

Boleh. Walau bagaimanapun, PTPTN hanya memberi pembiayaan pendidikan bagi tempoh pengajian yang diikuti dalam negara sahaja.

---

## Soalan 15 :

Saya sedang belajar di semester kedua dan ingin memohon pembiayaan pendidikan PTPTN. Bolehkah saya mendapat pembiayaan bermula semester pertama?

## Jawapan :

Tidak Boleh. Tempoh pembiayaan pendidikan diluluskan adalah berdasarkan semester semasa permohonan dibuat. Sekiranya anda memohon pada semester kedua, pembiayaan pendidikan akan diluluskan mulai semester kedua hingga tamat tempoh pengajian lazim anda.

---

## (II) TAWARAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

### Soalan 1 :

Saya telah diluluskan dan mencetak dokumen tawaran. Bila dan di manakah saya perlu menghantar dokumen tawaran ini?

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## Jawapan :

Tarikh bagi sesi semakan dan serahan dokumen tawaran dan perjanjian pembiayaan pendidikan PTPTN akan ditentukan berdasarkan persetujuan di antara IPT dan PTPTN. Maklumat tentang tarikh sesi tersebut akan di maklumkan kepada IPT masing-masing.

## Soalan 2 :

Saya telah terlepas sesi semakan dan serahan dokumen tawaran perjanjian di IPT. Bagaimana untuk menghantar dokumen tersebut?

## Jawapan :

Sila rujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) IPT masing-masing.

## Soalan 3 :

Apakah syarat-syarat tawaran pembiayaan pendidikan PTPTN?

## Jawapan :

Tawaran pembiayaan pendidikan akan diberikan sekiranya permohonan memenuhi syarat-syarat dan menepati kaedah permohonan pembiayaan yang telah ditetapkan. Tawaran pembiayaan kali kedua hanya akan dipertimbangkan sekiranya memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Menepati syarat-syarat dan kaedah permohonan pembiayaan pendidikan.
- ii. Pelajar yang telah mendapat pembiayaan pendidikan untuk pengajian terdahulu tetapi gagal menamatkan pengajian/ menarik diri/ membatalkan pembiayaan pendidikan PTPTN boleh membuat permohonan pembiayaan pendidikan kali kedua dengan syarat telah menyelesaikan sepenuhnya jumlah pembiayaan pendidikan yang telah diterima sebelum ini berdasarkan pengesahan daripada Unit Lejar Pinjaman, Bahagian Akaun, PTPTN.
- iii. Pelajar yang telah mendapat pembiayaan pendidikan dan berjaya menamatkan pengajian terdahulu boleh memohon pembiayaan pendidikan untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Permohonan untuk peringkat pengajian yang sama tidak akan dipertimbangkan.
- iv. Pertimbangan bagi pembiayaan pendidikan kali kedua tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi.

Kelulusan tempoh pembiayaan pendidikan akan ditentukan mengikut semester semasa iaitu ketika permohonan lengkap diproses oleh PTPTN.

Tawaran pembiayaan pendidikan hanya sah dalam tempoh 90 hari dari tarikh kelulusan. Sekiranya dalam tempoh tersebut, dokumen perjanjian tidak disempurnakan, tawaran pembiayaan pendidikan akan dibatalkan.

Dokumen perjanjian pembiayaan pendidikan hanya akan dianggap lengkap sekiranya dokumen tersebut dimeterai dengan Setem Hasil. Sila pastikan anda menyediakan dua keping Setem Hasil yang bernilai RM10 untuk setiap satu set dokumen perjanjian.

Tawaran pembiayaan pendidikan akan dibatalkan atau ditarik balik sekiranya didapati berlaku kesilapan tawaran atau pemalsuan maklumat.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## **Soalan 4 :**

Saya tidak mendapat pembiayaan pendidikan penuh berbanding kawan-kawan saya. Apakah penentuan pemberian jumlah pembiayaan pendidikan kepada pemohon?

### **Jawapan :**

Penentuan jumlah pembiayaan pendidikan PTPTN adalah bergantung kepada pendapatan bersih penjaga, setelah ditolak jumlah tanggungan (1 tanggungan = RM250).

---

## (III) PENGELUARAN & PEMBERHENTIAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

### **Soalan 1 :**

Setelah dokumen yang lengkap diserahkan kepada pihak PTPTN, berapa lamakah masa yang diambil untuk pengeluaran pembiayaan pendidikan kali pertama?

### **Jawapan :**

Sekiranya semua dokumen tawaran dan perjanjian yang diperlukan telah lengkap diisi, pengeluaran kali pertama akan dilakukan dalam tempoh 21 hari bekerja daripada tarikh penerimaan dokumen. Pengeluaran pembiayaan pendidikan yang telah diluluskan akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pelajar.

---

### **Soalan 2 :**

Mengapakah jumlah pembiayaan pendidikan yang dikreditkan ke akaun saya tidak sama seperti jumlah yang sepatutnya diterima pada setiap semester?

### **Jawapan :**

Ini kerana jumlah pengeluaran pembiayaan pendidikan yang dibuat tertakluk kepada amanah yuran pengajian, potongan insurans dan potongan WPP (yang mana berkaitan).

---

### **Soalan 3 :**

Bagaimanakah pengeluaran pembiayaan pendidikan pelajar bagi semester 2 dan berikutnya diberikan kepada peminjam?

### **Jawapan :**

Pengeluaran pembiayaan pendidikan akan dibuat setelah PTPTN menerima pengesahan daripada IPT masing-masing bahawa:

- i. Pelajar di sahkan aktif mendaftar di IPT.
- ii. Memperolehi keputusan PNG/ GPA 2.0 dan ke atas.

---

### **Soalan 4 :**

Bilakah tarikh pembiayaan pendidikan dikeluarkan kepada pelajar pada setiap semester?

### **Jawapan :**

Pengeluaran pembiayaan pendidikan akan dikeluarkan kepada pelajar dalam tempoh 2 minggu selepas pelajar mendaftar tertakluk kepada pengesahan daripada IPT.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

---

**Soalan 5 :**

Adakah saya akan terus mendapat pinjaman/ pembiayaan pendidikan sekiranya saya menangguhkan pengajian?

**Jawapan :**

Pembiayaan pendidikan akan digantung pada semester anda menangguhkan pengajian. Sekiranya anda telah menerima pembiayaan pendidikan pada semester tersebut, maka pengeluaran pembiayaan anda akan digantung pada semester berikutnya. Pengeluaran pembiayaan pendidikan bagi semester seterusnya hanya akan dilakukan berdasarkan pengesahan IPT.

---

**Soalan 6 :**

Adakah saya layak mendapatkan semula pembiayaan pendidikan yang telah digantung disebabkan saya memperolehi PNG/ GPA di bawah 2.0?

**Jawapan :**

Tidak layak. Tunggakan tidak akan dibayar sekiranya pembiayaan pendidikan digantung disebabkan PNG/ GPA di bawah 2.0. Walau bagaimanapun PTPTN akan menuntut bayaran balik apa yang telah diterima oleh pelajar sahaja.

---

**Soalan 7 :**

Adakah saya layak mendapatkan baki pembiayaan pendidikan jika berjaya menamatkan pengajian lebih awal daripada tempoh pengajian sebenar?

**Jawapan :**

Tidak layak. Pengeluaran pembiayaan pendidikan akan dikeluarkan setakat tempoh anda berjaya menamatkan pengajian samada lebih awal atau mengikut tempoh pengajian lazim. Tuntutan bayaran balik adalah berdasarkan jumlah pembiayaan pendidikan yang anda terima termasuk kos pentadbiran/ upah.

---

**Soalan 8 :**

Bolehkah pembiayaan pendidikan dibayar ke akaun waris pelajar?

**Jawapan :**

Tidak boleh. Pengeluaran pembiayaan pendidikan dikreditkan terus ke akaun persendirian pelajar sahaja.

---

**Soalan 9 :**

Saya telah menerima pembiayaan pendidikan PTPTN dan pada waktu yang sama saya juga telah menerima tajaan daripada penaja lain. Bolehkah saya menerima kedua-dua penajaan untuk saya terus belajar?

**Jawapan :**

Tidak boleh. Anda perlu memilih salah satu penaja sahaja. PTPTN berhak menamatkan pembiayaan pendidikan anda serta merta dan membuat tuntutan daripada pelajar/ penaja lain.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## (IV) PERJANJIAN

### **Soalan 1 :**

Bagaimanakah caranya untuk saya memaklumkan mengenai perubahan alamat dan butiran diri saya?

### **Jawapan :**

Mengemas kini maklumat butiran diri boleh dibuat melalui pengisian Borang Perubahan Maklumat yang boleh didapati di kaunter PTPTN/ Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) IPT masing-masing/ laman web rasmi PTPTN atau menulis surat rasmi ke PTPTN.

---

### **Soalan 2 :**

Bagaimanakah caranya untuk saya mendapatkan salinan dokumen tawaran kerana dokumen tawaran saya hilang?

### **Jawapan :**

Anda perlu mengisi Borang Permohonan Semula Salinan Dokumen Perjanjian Pembiayaan PTPTN (Untuk Pengeluaran KWSP) di laman web PTPTN serta mengepilkan bersama wang pos atau bank draf bernilai RM90 dan hantarkan kepada PTPTN. Pihak PTPTN mengambil masa 7 hari bekerja untuk memproses permohonan tersebut dan mengemukakan semula kepada pelajar menerusi POS LAJU.

---

### **Soalan 3 :**

Bagaimanakah cara untuk saya menuntut salinan dokumen perjanjian. Saya belum lagi menerima salinan dokumen perjanjian. Berkemungkinan surat saya dikembalikan ke pejabat PTPTN kerana saya telah berpindah?

### **Jawapan :**

Anda boleh membuat semakan dengan PTPTN sama ada dokumen tersebut telah dikembalikan semula ke PTPTN di kaunter Unit Perjanjian (Tingkat 9) atau mengisi Borang Permohonan Dokumen Perjanjian Pinjaman/ Pembiayaan (Asal) Yang Dikembalikan Oleh Pos Malaysia Ke PTPTN di laman web PTPTN serta mengepilkan bersama sampul Pos Ekspres bersaiz A4 dengan menulis nama dan alamat sendiri serta poskan ke PTPTN.

---

### **Soalan 4 :**

Sekiranya saya tidak dapat menuntut salinan dokumen perjanjian di PTPTN, bolehkah saya mewakilkan orang lain untuk menuntut dokumen tersebut?

### **Jawapan :**

PTPTN membenarkan ibu bapa atau adik-beradik untuk menuntut dokumen tersebut bagi pihak anda. Sekiranya wakil selain daripada tersebut di atas, anda mestilah menulis surat rasmi dengan menyatakan nama dan no. kad pengenalan wakil atau mengisi Borang Permohonan Dokumen Perjanjian Pinjaman/ Pembiayaan (Asal) Yang Dikembalikan Oleh Pos Malaysia Ke PTPTN di laman web PTPTN dan tandatangan anda pada borang tersebut mestilah sama dengan tandatangan dokumen perjanjian semasa anda memohon dahulu.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## **Soalan 5 :**

Sebelum saya menandatangani dokumen tawaran, saya dapat terdapat perbezaan maklumat pengajian yang saya ikuti pada surat tawaran pembiayaan pendidikan. Bolehkah saya meminda surat tawaran tersebut?

### **Jawapan :**

Tidak boleh. Semua maklumat yang dicetak dalam dokumen tawaran pembiayaan pendidikan adalah berdasarkan pengisian permohonan oleh pelajar. Sebarang pindaan tidak dibenarkan di buat ke atas surat tawaran pinjaman/ pembiayaan pendidikan PTPTN. Manakala, bagi pindaan yang melibatkan maklumat pengajian, anda perlu menolak tawaran berkenaan dan mengemukakan semula permohonan baru.

---

## **C. PERTUKARAN PINJAMAN KEPADA PEMBIAYAAN PENDIDIKAN BERASASKAN KAEDAH TAWARAN "UJRAB"**

### **(I) PERMOHONAN/TAWARAN**

#### **Soalan 1 :**

Siapakah yang layak untuk menerima tawaran pertukaran "Ujrab"?

#### **Jawapan :**

Tawaran pertukaran pinjaman sedia ada (3% dan 5% setahun) kepada pembiayaan "Ujrab" 1% setahun layak diterima oleh peminjam-peminjam sedia ada yang masih mempunyai baki pinjaman PTPTN pada 1 Jun 2008 **kecuali** bagi kes-kes berikut:

- i. Telah dikenakan tindakan saman.
- ii. Telah melanggar perjanjian pinjaman terdahulu – (batal pinjaman, gagal pengajian, berhenti pengajian dan mendapat penaja lain).
- iii. Telah mendapat pengecualian bayaran balik kerana menamatkan pengajian dengan mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama.

---

#### **Soalan 2 :**

Saya masih belajar dan masih menerima pengeluaran pinjaman PTPTN. Bilakah saya boleh menerima tawaran pertukaran "Ujrab"?

#### **Jawapan :**

Anda akan ditawarkan pertukaran "Ujrab" sebaik tamat pengajian.

---

#### **Soalan 3 :**

Saya mempunyai baki Wang Pendahuluan Pembiayaan (WPP) sahaja. Adakah saya layak untuk memohon pertukaran kepada kaedah "Ujrab"?

#### **Jawapan:**

Anda tidak layak untuk memohon/ ditawarkan pertukaran "Ujrab".

---

#### **Soalan 4 :**

Apakah tindakan yang perlu diambil bagi membolehkan saya mendapat tawaran pertukaran "Ujrab"?

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## Jawapan :

Peminjam perlu mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Membuat pendaftaran melalui laman web PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)) dengan menggunakan no. kad pengenalan dan memasukkan alamat e-mel peminjam.
- ii. Mengemas kini maklumat yang diperlukan melalui *link* yang dihantar ke alamat e-mel peminjam yang didaftarkan. Kegagalan membuat pengemaskinian akan menyebabkan permohonan pertukaran tidak akan diproses.
- iii. Mencetak dan menandatangan dokumen tawaran yang dihantar ke alamat e-mel peminjam.
- iv. Menghantar dokumen tawaran yang lengkap (sila rujuk panduan pengisian) kepada PTPTN dalam tempoh 90 hari daripada tarikh tawaran.

---

## Soalan 5 :

Bilakah peminjam boleh mula membuat pendaftaran dan mengemas kini maklumat?

## Jawapan :

Pendaftaran dan pengemaskinian boleh dibuat pada bila-bila masa selewat-lewatnya pada 30 September 2011.

---

## Soalan 6 :

Bilakah PTPTN akan mengeluarkan dokumen tawaran pertukaran "Ujrah"?

## Jawapan :

Dokumen tawaran akan dikeluarkan pada setiap minggu. Bagi peminjam yang telah mendaftar dan mengemas kini maklumat pada minggu semasa, dokumen tawaran akan dikeluarkan pada minggu yang berikutnya. Dokumen tawaran dihantar ke e-mel yang telah didaftarkan.

---

## Soalan 7 :

Apakah asas penawaran pertukaran "Ujrah"?

## Jawapan :

Asas yang digunakan adalah seperti berikut:

- i. Jumlah pembiayaan pendidikan : Berdasarkan jumlah baki pinjaman pada 1 Jun 2008.
- ii. Tarikh kuatkuasa : 1 Jun 2008 atau tarikh mula bayar balik sebenar, mana-mana tarikh yang terkemudian.

## Contoh:

- a. Tarikh mula bayar balik 1 Januari 2002, maka tarikh kuatkuasa 1 Jun 2008.
- b. Tarikh mula bayar balik 1 September 2009, maka tarikh kuatkuasa 1 September 2009.
- iii. Tempoh bayaran balik baru : Tempoh bayaran balik berdasarkan kepada baki pinjaman pada tarikh kuatkuasa seperti di Jadual 12:

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## Jadual 12 : Tempoh Bayaran Balik Berdasarkan Baki Pinjaman

Bil.	Jumlah Baki Pinjaman	Tempoh Bayaran Balik
1.	RM 10,000 dan ke bawah	60 bulan (5 tahun)
2.	RM 10,001 hingga RM 22,000	120 bulan (10 tahun)
3.	RM 22,001 hingga RM 50,000	180 bulan (15 tahun)
4.	RM 50,001 ke atas	240 bulan (20 tahun)

### Soalan 8 :

Apakah yang dimaksudkan dengan baki pinjaman pada tarikh kuatkuasa?

#### Jawapan :

Baki pinjaman pada tarikh kuatkuasa bermaksud jumlah prinsipal dan juga kos pentadbiran yang masih belum dijelaskan, mengambil kira semua bayaran balik yang telah dibuat sebelum tarikh kuatkuasa.

---

### Soalan 9 :

Bagaimanakah kiraan "Ujrah" untuk pertukaran ini?

#### Jawapan :

Jumlah "Ujrah" = [Kadar "Ujrah" (1%) / 12] x Jumlah pembiayaan yang ditawarkan x tempoh bayaran balik (bulan).

---

### Soalan 10 :

Saya telah menerima makluman melalui SMS bahawa telah ditawarkan pertukaran "Ujrah". Walau bagaimanapun saya tidak menerima sebarang e-mel dokumen tawaran. Bagaimana boleh saya mencetak dokumen tawaran berkenaan?

#### Jawapan :

Sekiranya peminjam tidak menerima e-mel daripada *webmaster* PTPTN, semakan dan cetakan dokumen tawaran boleh dibuat melalui laman *web* PTPTN di petak **Laman PTPTN Online**. Jika menghadapi masalah kata laluan, sila tekan 'terlupa kata laluan' untuk menukar kata laluan baru dan ia akan dihantar ke e-mel peminjam. Untuk makluman juga, panduan pengguna telah disediakan di laman *web* tersebut sebagai rujukan/ panduan.

---

### Soalan 11 :

Saya telah ditawarkan pertukaran "Ujrah" pada 10 April 2011 dan sedang melengkapkan dokumen tawaran berkenaan. Saya tidak boleh mendapatkan tandatangan penjamin dan pegesahan majikan untuk potongan gaji. Adakah dokumen saya dianggap tidak lengkap?

#### Jawapan :

Mulai Mei 2011, PTPTN telah pun melonggarkan syarat penjamin dan pegesahan majikan untuk potongan gaji. Semua dokumen yang dikembalikan (termasuk tawaran sebelum Mei 2011) tanpa melengkapkan maklumat berkenaan diterima sebagai lengkap.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## (II) BAYARAN BALIK/ PENGUATKUASAAN

**Soalan 1:**

Saya telah diluluskan penangguhan bayaran balik, adakah saya layak menerima tawaran pertukaran "Ujrah"?

**Jawapan:**

Peminjam yang telah diluluskan penangguhan bayaran balik layak menerima tawaran pertukaran "Ujrah".

**Soalan 2:**

Setelah "Ujrah" ditawarkan, saya masih tidak mampu membuat pembayaran balik. Adakah saya boleh membuat penangguhan sekali lagi?

**Jawapan:**

Peminjam boleh mengemukakan permohonan penangguhan. Walau bagaimanapun, keputusan permohonan penangguhan tertakluk kepada peraturan semasa PTPTN.

**Soalan 3:**

Saya telah menerima Notis Peringatan Terakhir dan/ atau Notis Tuntutan tetapi masih belum dikenakan tindakan saman, adakah saya layak untuk memohon dan menerima tawaran ini?

**Jawapan:**

Peminjam layak untuk menerima tawaran pertukaran "Ujrah" ini. Walau bagaimanapun peminjam dihendaki menjelaskan kos penguatkuasaan yang telah dikenakan.

**Soalan 4:**

Perlukah saya meneruskan bayaran balik sepanjang tempoh proses penawaran pertukaran "Ujrah" ini?

**Jawapan:**

Peminjam adalah dikehendaki untuk terus membuat bayaran balik. Sebarang bayaran balik akan diselaraskan ke akaun pembiayaan "Ujrah".

**Soalan 5:**

Saya telah pun membuat bayaran balik secara potongan gaji melalui LHDNM. Walau bagaimanapun saya tidak mengisi Borang Potongan Gaji semasa menerima tawaran "Ujrah". Apakah yang akan berlaku kepada potongan gaji saya?

**Jawapan:**

Potongan gaji sedia ada akan di teruskan.

**Soalan 6:**

Saya mengisi Borang Potongan Gaji tetapi amaun ansuran semasa berbeza dengan tawaran "Ujrah". Apakah yang akan berlaku kepada amaun ansuran semasa saya?

**Jawapan:**

PTPTN akan membuat pindaan amaun potongan gaji dengan pihak LHDNM. Maklumat berkenaan pindaan tersebut akan dikemukakan kepada majikan dan salinan kepada peminjam.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## (III) LEJAR/ PENYATA

### Soalan 1 :

Bilakah akaun pembiayaan pendidikan peminjam dikemas kini?

#### Jawapan :

Akaun peminjam akan dikemas kini selepas dokumen tawaran diterima dan diproses serta disahkan oleh PTPTN. Proses pengemaskinian dibuat secara mingguan. Paparan di penyata kira-kira peminjam dapat dilihat selepas proses pengemaskinian dilakukan.

---

### Soalan 2 :

Apa yang berlaku apabila pengemaskinian dibuat?

#### Jawapan :

Akaun pinjaman yang lama akan dikosongkan dan dipindahkan/diselaraskan ke akaun pembiayaan "Ujrah".

---

### Soalan 3 :

Apa berlaku kepada bayaran balik yang dibuat selepas tarikh kuatkuasa?

#### Jawapan :

Bayaran balik yang diterima selepas tarikh kuatkuasa akan dipindahkan ke akaun pembiayaan "Ujrah" dan diselaraskan dengan jadual bayaran balik pembiayaan yang baru. Kos pentadbiran yang dikenakan selepas tarikh kuatkuasa "Ujrah" akan dikecualikan sehingga tarikh semasa. Sebarang lebihan bayaran balik akan menyelesaikan ansuran bulanan ke hadapan.

---

### Soalan 4 :

Bolehkah saya menyemak penyata akaun pembiayaan "Ujrah" saya melalui laman web?

#### Jawapan :

Peminjam boleh membuat semakan penyata akaun pembiayaan "Ujrah" di laman web PTPTN melalui petak **Laman PTPTN Online**.

---

## D. PENGUATKUASAAN DAN BAYARAN BALIK PINJAMAN/ PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

### (I) BAYARAN BALIK PINJAMAN / PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

#### Soalan 1 :

Bagaimakah caranya untuk membayar balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan PTPTN?

#### Jawapan :

Kaedah-kaedah bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan seperti di Jadual 13:

# SOALAN-SOALAN LAZIM

**Jadual 13 : Kaedah Bayaran Balik Pinjaman/ Pembiayaan Pendidikan PTPTN**

BIL	SALURAN	AGENSI/ EJEN
1.	Kaunter	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu Pejabat PTPTN</li> <li>• One Stop Center PTPTN, KL Sentral</li> <li>• Bank Islam Malaysia Berhad</li> <li>• CIMB Bank Berhad</li> <li>• Bank Simpanan Nasional</li> <li>• Pos Malaysia Berhad</li> </ul>
2.	Potongan Gaji	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)</li> </ul>
3.	Perbankan Internet	<ul style="list-style-type: none"> <li>• CIMB Bank Berhad (<a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a>)</li> <li>• Maybank (<a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a>)</li> <li>• Public Bank Berhad (<a href="http://www.pbebank.com">www.pbebank.com</a>)</li> <li>• RHB Bank (<a href="http://www.rhb.com.my">www.rhb.com.my</a>)</li> <li>• Ambank (<a href="http://www.ambankgroup.com">www.ambankgroup.com</a>)</li> <li>• Pos Online (<a href="http://www.posonline.com.my">www.posonline.com.my</a>)</li> </ul>
4.	Laman Web PTPTN (e-FES) Melalui Financial Processing Exchange (FPX)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bank Islam Malaysia Berhad</li> <li>• CIMB Bank Berhad</li> <li>• Public Bank Berhad</li> <li>• Maybank</li> <li>• Hong Leong Bank</li> </ul>
5.	Pengeluaran Wang Melalui Akaun II (KWSP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)*</li> </ul>

**Nota:**

\* Syarat-syarat pengeluaran wang melalui Akaun II (KWSP) adalah seperti berikut:

- **Permohonan pengeluaran oleh Ahli:**
  - Bagi peringkat pengajian Ijazah dan Diploma : perjanjian pinjaman/ pembiayaan pendidikan adalah bagi 2 Januari 2001 dan ke atas.
- **Permohonan pengeluaran oleh Ibu/ Bapa peminjam:**
  - Bagi peringkat pengajian Ijazah : perjanjian pinjaman/ pembiayaan pendidikan adalah bagi April 2000 dan ke atas.
  - Bagi peringkat pengajian Diploma : perjanjian pinjaman/ pembiayaan pendidikan adalah bagi 17 Januari 2006 dan ke atas.

**Makluman (Bagi Pembayaran di Kaunter Bank & Pejabat Pos)**

- (i) Akaun Penerima : No. Kad Pengenalan Peminjam.
- (ii) Nama Penerima : PTPTN-PEMBIAYAAN (No. Akaun PTPTN tidak diperlukan).
- (iii) No. Bil/ Kontrak/ Rujukan : No. Rujukan Surat Tawaran/ No. telefon Peminjam.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## Semakan Penyata Kira-Kira (e-FES)

- (i) Kata Laluan : No. Kad Pengenalan Peminjam  
(ii) No. PIN/ Password : No. Pembiayaan Peminjam  
*(Sila rujuk No. Pembiayaan pada Penyata Kira-Kira)*
- Setiap pembayaran yang dilakukan melalui kaunter bank atau secara dalam talian (*online*) akan dikenakan caj perkhidmatan oleh pihak bank.
  - Sila simpan slip pembayaran atau cetak resit bayaran untuk simpanan anda.
  - Resit rasmi PTPTN hanya akan dikeluarkan sekiranya pembayaran dibuat terus kepada PTPTN.
  - Pembayaran melalui cek peribadi adalah **dibenarkan**.

### Nota:

Bayaran Melalui bank deraf/ kiriman wang hendaklah berpalang dan dibayar atas nama '**PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL**'. Sila poskan ke alamat berikut:

### Ketua Eksekutif

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional**  
Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana  
Off Jalan Semantan, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur  
(u.p: Unit Terimaan)

---

### Soalan 2 :

Apakah kos pentadbiran?

#### Jawapan :

Kos pentadbiran adalah kos yang dikenakan ke atas pinjaman pendidikan seperti dinyata di dalam perjanjian yang ditandatangani. Kos pentadbiran akan dikira selepas 6 bulan tamat pengajian atau tamat pinjaman pendidikan atau yang mana lebih awal. Kadar kos pentadbiran 4% setahun dikenakan bagi tempoh bayaran balik sehingga 31 Disember 2003. Bermula 1 Januari 2004 kadar kos pentadbiran telah diturunkan kepada 3% setahun dan dikira atas baki pinjaman pendidikan secara bulanan. Kos yang telah dikenakan tidak boleh dikurangkan.

---

### Soalan 3 :

Adakah pihak PTPTN akan mengeluarkan resit rasmi bagi bayaran balik pinjaman pendidikan?

#### Jawapan :

Pihak PTPTN hanya akan mengeluarkan resit rasmi bagi bayaran balik yang dibuat di kaunter Ibu Pejabat PTPTN dan di One Stop Center KL Sentral atau melalui pos (cek, bank deraf, kiriman wang dan wang pos) yang dibuat atas nama PTPTN. Manakala bayaran menerusi Agensi Pemungut Hutang PTPTN seperti LHDNM, Maybank (secara dalam talian (*online*)), CIMB Bank Berhad (secara dalam talian (*online*) dan kaunter), Bank Islam Malaysia Berhad (secara dalam talian (*online*) dan kaunter) dan RHB Bank (secara dalam talian (*online*)) tidak akan dikeluarkan resit. Bayaran terus kepada LHDNM (selain potongan gaji) akan dikeluarkan resit oleh pihak LHDNM.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

---

## Soalan 4 :

Bagaimana caranya untuk menyemak baki pinjaman/ pembiayaan pendidikan?

### Jawapan :

Baki pinjaman/ pembiayaan pendidikan boleh disemak melalui e-FES di laman web PTPTN.

---

## Soalan 5 :

Bagaimanakah cara bayaran balik secara dalam talian (*online*) boleh dilakukan?

### Jawapan :

Sila rujuk laman *web* bank-bank berkenaan dan sebarang pertanyaan sila rujuk kepada Bahagian Perkhidmatan Pelanggan bank berkenaan.

---

## Soalan 6 :

Bagaimanakah caranya membayar balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan menerusi potongan gaji?

### Jawapan :

Sila berikan maklumat kepada Bahagian Penguatkuasaan dan Kutipan Balik, PTPTN melalui aduan dalam talian (<http://icare.ptptn.gov.my>)/ surat rasmi/ muat turun Borang Potongan Gaji daripada laman *web* PTPTN.  
Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

- i. Maklumat peribadi (Nama, no. kad pengenalan, alamat terkini).
- ii. Maklumat majikan (Nama syarikat, alamat dan no. telefon majikan).

### Nota :

Peminjam akan menerima salinan arahan potongan gaji daripada LHDNM kepada majikan. Pembayaran balik menerusi arahan potongan gaji akan mengambil masa 1 hingga 3 bulan sebelum dapat dilaksanakan oleh LHDNM. Sementara itu, peminjam boleh membuat bayaran sendiri menggunakan kaedah bayaran balik yang lain untuk mengelakkan tunggakan ansuran.

---

## Soalan 7 :

Bolehkah saya membayar balik lebih daripada jumlah ansuran asal?

### Jawapan :

Boleh. Sekiranya peminjam menyelesaikan kesemua bayaran balik dengan lebih awal, jumlah penyelesaian adalah berdasarkan jumlah pinjaman/ pembiayaan pendidikan yang diterima termasuk kos pentadbiran/ upah dikenakan sehingga tarikh penyelesaian penuh dibuat.

---

## Soalan 8 :

Bolehkah saya membayar balik kurang daripada jumlah ansuran asal?

### Jawapan :

Bayaran balik kurang daripada jumlah ansuran adalah tidak digalakkkan.

---

## Soalan 9 :

Perlukah saya menunggu surat arahan bayaran balik daripada pihak PTPTN sebelum memulakan bayaran balik?

# SOALAN-SOALAN LAZIM

---

**Jawapan :**

Peminjam tidak perlu menunggu surat arahan bayaran balik daripada PTPTN. Bayaran yang dibuat dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian atau tamat pinjaman/ pembiayaan pendidikan tidak akan dikenakan kos pentadbiran/ upah.

---

**Soalan 10 :**

Bolehkah saya membuat bayaran balik ansuran bulanan lebih awal iaitu sebelum 6 bulan dari tarikh mula bayar?

**Jawapan :**

Bayaran balik lebih awal adalah digalakkan. Bayaran balik yang dibuat sebelum dari tarikh mula bayar tidak akan dikenakan kos pentadbiran/ upah. Manakala bayaran ansuran yang dibuat mengikut jadual bayaran balik adalah tertakluk kepada kos pentadbiran/ upah yang telah dibina kepada peminjam.

---

**Soalan 11 :**

Bolehkah saya membuat bayaran balik secara keseluruhan "full-settlement" pinjaman/ pembiayaan pendidikan?

**Jawapan :**

Boleh. Peminjam perlu mengisi Borang Pengesahan Baki Pinjaman yang boleh dimuat turun melalui laman web PTPTN/ kaunter PTPTN sebelum penyelesaian penuh dibuat.

---

**Soalan 12 :**

Bilakah tarikh akhir bayaran balik sepatutnya dibayar setiap bulan?

**Jawapan :**

Bayaran balik hendaklah dibayar sebelum hari terakhir dalam setiap bulan.

---

**Soalan 13 :**

Bolehkah bayaran balik dibuat mengikut tempoh tertentu contohnya 6 bulan sekali?

**Jawapan :**

Bayaran balik boleh dibuat mengikut tempoh tertentu dengan jumlah yang sepatutnya dibuat pada bulan pertama tempoh tersebut dan tiada tunggakan ansuran.

---

**Soalan 14 :**

Bolehkah bayaran balik WPP ditangguhkan?

**Jawapan :**

Tidak boleh. Penangguhan adalah tidak dibenarkan bagi bayaran balik WPP. Walau bagaimanapun, peminjam boleh mengemukakan permohonan bayaran secara ansuran dengan mengemukakan surat permohonan rasmi.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## (II) PENGECUALIAN BAYARAN BALIK PINJAMAN/ PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

### **Soalan 1 :**

Siapakah yang layak memohon pengecualian bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan?

#### **Jawapan :**

Peminjam yang layak adalah peminjam yang diluluskan pinjaman pendidikan sebelum 1 Julai 2005 atau bagi pelajar yang berjaya menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dengan memperolehi Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya bermula 1 Januari 2010. Bagi peminjam IPTS pula, ia terhad kepada peminjam yang telah mengikuti kursus yang mendapat Sijil Perakuan Akreditasi dari MQA.

Peminjam yang telah menerima penajaan lain di samping pembiayaan pendidikan PTPTN, menukar jurusan, peringkat pengajian dan IPT tanpa kelulusan PTPTN atau melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan dalam perjanjian pinjaman/ pembiayaan pendidikan, tidak akan dipertimbangkan untuk kemudahan pengecualian bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan.

---

### **Soalan 2 :**

Bagaimakah cara untuk memohon pengecualian bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan?

#### **Jawapan :**

Sila hantarkan dokumen-dokumen seperti berikut:

- i. Surat permohonan rasmi.
- ii. Salinan Ijazah.
- iii. Salinan transkrip akademik.
- iv. Surat Pengesahan Kelas Pertama (jika tiada perkataan Kelas Pertama tercatat pada Ijazah).
- v. Surat Akuan Peminjam.

#### **Nota :**

*Semuta salinan dokumen dan surat pengesahan hendaklah disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Bahagian Akademik IPT sahaja.*

*Salinan Sijil Perakuan Akreditasi oleh MQA diperlukan jika kelulusan pemohon adalah daripada IPTS.*

---

### **Soalan 3 :**

Saya mendapat Kepujian Kelas Pertama semasa program diploma, bolehkah saya memohon untuk pengecualian bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan PTPTN?

#### **Jawapan :**

Tidak boleh. Hanya pelajar lulusan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama sahaja yang layak memohon pengecualian bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan PTPTN.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

---

**Soalan 4 :**

Bolehkah Kelas Kedua Tinggi memohon pengurangan bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan?

**Jawapan :**

Tidak boleh. Buat masa ini PTPTN hanya memberi pengecualian bayaran balik kepada Kelas Pertama sahaja dan tiada pengurangan atau diskaun diberi kepada Kelas Kedua Tinggi.

---

**Soalan 5 :**

Bolehkah salinan transkrip dan Ijazah disahkan oleh Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Bahagian lain?

**Jawapan :**

Tidak boleh. Semua salinan dokumen seperti transkrip dan Ijazah hanya boleh disahkan oleh Bahagian Akademik IPT berkenaan sahaja.

---

**Soalan 6 :**

Saya mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama semasa belajar di UPM dan kini sedang menyambung pengajian dalam program sarjana di UM. Bolehkah saya mendapat pengesahan untuk dokumen Ijazah dan transkrip saya di bahagian akademik UM?

**Jawapan :**

Tidak boleh. Pengesahan dokumen hanya boleh dilakukan di Bahagian Akademik universiti yang mengeluarkan Ijazah dan transkrip tersebut sahaja.

---

**Soalan 7 :**

IPT saya tidak mempunyai Bahagian Akademik, di manakah saya harus mengesahkan dokumen saya?

**Jawapan :**

Salinan Ijazah dan transkrip boleh disahkan oleh Bahagian yang mengeluarkan transkrip dan Ijazah seperti Bahagian Akademik atau Bahagian Peperiksaan dan Rekod Universiti.

---

**Soalan 8 :**

Saya pernah menerima pinjaman/ pembiayaan pendidikan PTPTN dan telah membatakan pinjaman/ pembiayaan pendidikan dengan PTPTN kerana menerima penaja lain. Walau bagaimanapun saya telah lulus peperiksaan dengan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama, bolehkah saya memohon pengecualian bayaran balik pinjaman pendidikan?

**Jawapan :**

Tidak boleh. Hanya pelajar tajaan PTPTN sepenuhnya sahaja yang layak memohon pengecualian bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan. Bagi pelajar yang telah membatakan pinjaman/ pembiayaan pendidikan, pelajar tidak tertakluk di bawah kemudahan ini.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## **Soalan 9 :**

Bolehkah pelajar lulusan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama dari IPTS memohon untuk pengecualian bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan?

### **Jawapan :**

Boleh. Tetapi hanya pelajar IPTS yang mengikuti program yang mempunyai Sijil Perakuan Akreditasi oleh MQA sahaja yang layak memohon pengecualian bayaran balik.

---

## **Soalan 10 :**

Bagaimakah untuk saya mengetahui status permohonan pengecualian bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan saya?

### **Jawapan :**

PTPTN akan memaklumkan status dan keputusan permohonan kepada pelajar melalui surat.

---

## **(III) PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN/ PEMBIAYAAN PENDIDIKAN**

### **Soalan 1 :**

Siapakah yang layak untuk memohon penangguhan bagi bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan PTPTN?

### **Jawapan :**

Bagi peminjam yang telah menamatkan pengajian, permohonan penangguhan adalah layak bagi mereka yang masih belum bekerja (tiada pendapatan) atau yang menyambung semula pengajian secara sepenuh masa sahaja.

---

### **Soalan 2 :**

Bagaimakah cara untuk membuat penangguhan bayaran balik memandangkan saya belum bekerja dan tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi?

### **Jawapan :**

Peminjam perlu mengemukakan surat pemohonan rasmi penangguhan kepada PTPTN beserta pengesahan yang menyatakan masih tidak bekerja serta pengesahan caruman/ penyata daripada KWSP.

### **Nota :**

Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.

Kos pentadbiran/ upah tetap dikenakan sepanjang tempoh penangguhan.

---

### **Soalan 3 :**

Saya ingin menangguhkan pembayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan kerana sedang menyambung pengajian. Bagaimanakah caranya?

### **Jawapan :**

Peminjam perlu mengemukakan surat permohonan penangguhan atau isikan Borang Penangguhan Bayaran Balik yang boleh diperolehi di

# SOALAN-SOALAN LAZIM

laman web PTPTN bersama dokumen sokongan berikut dan hantarkan kepada PTPTN untuk pertimbangan:

- i. Salinan surat tawaran pengajian yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan/ Profesional.
- ii. Salinan surat tawaran penaja baru yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan/ Profesional (jika mendapat tajaan dari penaja lain selain PTPTN).
- iii. Surat pengesahan tarikh tamat pengajian dari IPT (jika tiada dalam surat tawaran).
- iv. Salinan transkrip dan Sijil bagi peringkat pengajian yang telah tamat (jika berkaitan) yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan/ Profesional.

**Nota :**

Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.

Kos pentadbiran/upah tetap dikenakan sepanjang tempoh penangguhan.

---

## Soalan 4 :

Apakah kesan kepada tempoh bayaran balik dan jumlah ansuran bulanan setelah diluluskan penangguhan bayaran balik?

**Jawapan :**

Penangguhan bayaran balik akan mengakibatkan jumlah ansuran pada masa akan datang menjadi lebih tinggi. Oleh itu, ia akan menambahkan lagi beban kewangan pada masa akan datang.

---

## Soalan 5 :

Bolehkah saya memohon penangguhan kerana saya hanya bekerja sementara/ kontrak?

**Jawapan :**

Tidak boleh. Walau bagaimanapun peminjam boleh memohon untuk dipertimbangkan pengurangan amaun ansuran bayaran balik bagi satu jangka masa tertentu.

---

## Soalan 6 :

Berapa lamakah tempoh penangguhan yang dibenarkan oleh PTPTN bagi bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan?

**Jawapan :**

Penangguhan bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan kerana belum bekerja boleh dipertimbangkan selama 2 tahun sahaja. Tempoh penangguhan yang diluluskan boleh ditamatkan sekiranya pekerjaan telah diperolehi. Bagi peminjam yang memohon penangguhan kerana menyambung semula pengajian secara sepenuh masa, tempoh penangguhan yang dipertimbangkan adalah sepanjang tempoh pengajian baru.

Walau bagaimanapun dalam tempoh penangguhan kos pentadbiran/ upah tetap dikenakan. Oleh yang demikian penangguhan bayaran adalah tidak digalakkan.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## **Soalan 7 :**

Saya telah diluluskan penangguhan dan sekarang telah mendapat pekerjaan. Adakah saya boleh memulakan bayaran balik lebih awal daripada tempoh penangguhan yang telah diluluskan?

### **Jawapan :**

Boleh. Bagi peminjam yang telah diluluskan penangguhan tetapi berhasrat untuk memulakan bayaran balik lebih awal, peminjam boleh terus memulakan bayaran balik dan memaklumkan kepada PTPTN melalui surat rasmi.

---

## **Soalan 8 :**

Saya telah diluluskan penangguhan, bagaimanakah pengiraan kos pentadbiran yang dikenakan?

### **Jawapan :**

Dalam tempoh penangguhan, kos pentadbiran tetap dikira berdasarkan baki pinjaman/ pembiayaan pendidikan bulanan. Jumlah pinjaman akan meningkat sekiranya tiada bayaran dibuat. Ini bermakna kos pentadbiran/ upah tetap dikenakan selagi ada baki pinjaman/ pembiayaan pendidikan.

---

## **(IV) GAGAL/ BERHENTI/ TUKAR PENGAJIAN/ BATAL PINJAMAN/ PEMBIAYAAN PENDIDIKAN**

### **Soalan 1 :**

Apakah prosedur untuk membatalkan pinjaman/ pembiayaan pendidikan saya?

### **Jawapan :**

Peminjam perlu mengisi Borang Pembatalan Pembiayaan yang boleh diperolehi menerusi Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)/ kaunter PTPTN/ laman web PTPTN dan hantarkan surat permohonan rasmi pembatalan pinjaman/ pembiayaan pendidikan. Bagi yang menerima penaja lain, sila sertakan bersama salinan surat tawaran daripada penaja lain.

---

### **Soalan 2 :**

Saya telah gagal/ berhenti/ bertukar pengajian/mendapat penaja lain dan telah menerima notis tuntutan keseluruhan pinjaman/ pembiayaan pendidikan dalam tempoh 60 hari, bolehkah saya menangguhan bayaran balik tersebut?

### **Jawapan :**

Tidak boleh, kecuali bagi peminjam yang meneruskan pengajian. Peminjam yang memohon untuk menangguhan bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan kerana masih belajar perlu menghantar permohonan rasmi beserta salinan surat tawaran pengajian baru yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Bagi peminjam yang membatalkan pinjaman/ pembiayaan pendidikan kerana menerima penaja lain, permohonan penangguhan perlu disertakan bersama salinan surat tawaran penaja baru yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

---

## **Soalan 3 :**

Saya telah menerima notis tuntutan keseluruhan pinjaman/ pembiayaan pendidikan, bolehkah saya membayar secara ansuran?

### **Jawapan :**

Peminjam yang berstatus gagal/ berhenti/ tukar pengajian/ membatalkan pinjaman/ pembiayaan pendidikan dikehendaki untuk membuat bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan secara sekali gus. Walau bagaimanapun, bagi peminjam yang tidak mampu boleh membuat rayuan.

---

## **Soalan 4 :**

Saya telah membatalkan pinjaman/ pembiayaan pendidikan saya dengan PTPTN dan ingin memohon untuk mendapatkan pinjaman pendidikan dari penaja lain tetapi penaja tersebut memerlukan surat pelepasan bersyarat daripada PTPTN. Bagaimanakah saya boleh mendapatkannya?

### **Jawapan :**

Peminjam perlu mengemukakan surat permohonan rasmi untuk mendapatkan surat pelepasan bersyarat kerana menerima tajaan lain kepada PTPTN. Surat permohonan boleh dihantar melalui kaunter, secara pos atau faks.

---

## **Soalan 5 :**

Saya telah membatalkan pinjaman/ pembiayaan pendidikan saya dengan PTPTN, bolehkah saya membuat permohonan pinjaman kali kedua untuk meneruskan pengajian saya?

### **Jawapan :**

Boleh. Sekiranya peminjam tidak mempunyai sebarang hutang dengan PTPTN. Walau bagaimanapun, peminjam yang masih berhutang perlu melangsaikan kesemua hutang terlebih dahulu dan barulah pinjaman/ pembiayaan pendidikan kedua dipertimbangkan.

---

## **Soalan 6 :**

Sekiranya saya telah melangsaikan kesemua hutang saya, adakah saya diberi sebarang surat pelepasan hutang yang menyatakan saya telah pun melangsaikan hutang saya?

### **Jawapan :**

Ya. Sekiranya peminjam telah melangsaikan kesemua hutang, PTPTN akan mengeluarkan surat pelepasan hutang yang memaklumkan bahawa peminjam telah pun melangsaikan hutang dan tidak lagi terikat dengan PTPTN.

---

## **Soalan 7 :**

Adakah kos pentadbiran dikenakan bagi peminjam yang membatalkan pinjaman pendidikan?

### **Jawapan :**

Ya. Kos pentadbiran akan dikenakan selepas tempoh 60 hari dari tarikh pembatalan pembiayaan pendidikan dibuat.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## (V) PELAJAR GAGAL MENERUSKAN PENGAJIAN

### **Soalan 1 :**

Sekiranya pelajar gagal dalam tempoh pengajian, apakah tindakan yang perlu diambil oleh pelajar tersebut?

### **Jawapan :**

Sekiranya pelajar gagal dalam pelajaran dan tidak sempat menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan, pelajar tersebut dikehendaki membayar keseluruhan jumlah pinjaman/ pembiayaan pendidikan yang telah dikeluarkan oleh PTPTN kepadanya termasuk kos pentadbiran.

---

## (VI) PEMBAYARAN TIDAK IKUT JADUAL

### **Soalan 1 :**

Sekiranya pelajar tidak mengikut jadual bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan dan ingin membayar lebih atau kurang daripada jumlah yang sepatutnya, adakah ianya dibenarkan?

### **Jawapan :**

Peminjam dibenarkan membuat bayaran melebihi ansuran yang ditetapkan. Pengurangan bayaran daripada ansuran adalah tidak digalakkan kerana ia akan meningkatkan kos pentadbiran yang dikenakan menjadikan jumlah pinjaman pendidikan meningkat.

---

## (VII) PEMBAYARAN AWAL PINJAMAN/ PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

### **Soalan 1 :**

Sekiranya keseluruhan pinjaman/ pembayaran balik pembiayaan pendidikan dibuat dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian, adakah kos pentadbiran/ upah dikenakan?

### **Jawapan :**

Penyelesaian penuh pinjaman/ pembiayaan pendidikan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian tidak akan dikenakan kos pentadbiran/ upah.

---

## (VIII) BAYARAN BALIK MELALUI POTONGAN GAJI

### **Soalan 1 :**

Saya telah bekerja dan ingin memulakan pembayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan melalui potongan gaji. Bagaimanakah caranya?

### **Jawapan :**

Sila berikan maklumat kepada Bahagian Penguatkuasaan dan Kutipan Balik, PTPTN melalui aduan dalam talian (<http://icare.ptptn.gov.my>)/ surat rasmi/ muat turun Borang Potongan Gaji daripada laman web PTPTN. Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

- i. Maklumat peribadi (Nama, no. kad pengenalan, alamat terkini).
- ii. Maklumat majikan (Nama syarikat, alamat dan no. telefon majikan).

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## **Nota:**

Peminjam akan menerima salinan arahan potongan gaji daripada LHDNM kepada majikan. Pembayaran balik menerusi arahan potongan gaji akan mengambil masa 1 hingga 3 bulan sebelum dapat dilaksanakan oleh LHDNM. Sementara itu, peminjam boleh membuat bayaran sendiri menggunakan kaedah bayaran balik yang lain untuk mengelakkan tunggakan ansuran.

---

## **Soalan 2 :**

Mengapakah pembayaran/ potongan gaji melalui LHDNM lewat dikemas kini di penyata pinjaman PTPTN?

### **Jawapan :**

Rekod pembayaran di PTPTN dikemas kini mengikut tarikh wang tersebut diremitkan oleh LHDNM ke PTPTN. LHDNM akan remit wang ke PTPTN sekali setiap bulan iaitu pada pertengahan bulan. Oleh itu, pembayaran yang dibuat pada bulan semasa hanya akan dikemas kini pada pertengahan bulan berikutnya .

---

## **Soalan 3 :**

Mengapa rekod potongan gaji saya tidak sama dengan penyata PTPTN?

### **Jawapan :**

Rekod potongan gaji dikemas kini berasaskan maklumat daripada LHDNM. Sekiranya terdapat perbezaan, peminjam dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat potongan yang telah dibuat oleh majikan dan mengemukakan kepada PTPTN untuk semakan lanjut dengan LHDNM.

---

## **Soalan 4 :**

Saya lewat mendapat pekerjaan serta mempunyai ansuran tertunggak dan ingin memulakan potongan gaji. Bolehkah potongan gaji saya melebihi ansuran bulanan yang ditetapkan?

### **Jawapan :**

Ya. Peminjam boleh membuat potongan gaji melebihi ansuran yang ditetapkan dengan mengemukakan surat makluman jumlah ansuran yang dikehendaki kepada PTPTN. Ansuran tertunggak tidak boleh ditangguhkan dan perlu dibayar sendiri kerana potongan gaji adalah untuk ansuran semasa sahaja.

---

## **Soalan 5 :**

Saya telah dikenakan saman dan senarai hitam, bolehkah bayaran balik melalui potongan gaji dibuat?

### **Jawapan :**

Boleh. Tetapi peminjam perlu menyelesaikan keseluruhan tunggakan pinjaman terlebih dahulu dan mengemukakan surat cadangan pembayaran pendahuluan dan bulanan bagi pelepasan saman dan senarai hitam. Selain itu, peminjam boleh menghubungi Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan dan Kutipan Balik, PTPTN.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## Soalan 6 :

Saya telah membuat bayaran balik melalui potongan gaji, bolehkah saya membatalkan potongan gaji sekiranya saya ingin membuat pembayaran sendiri?

### Jawapan :

Tidak boleh. PTPTN telah menetapkan pembatalan hanya boleh dibuat sekiranya peminjam telah melangsaikan keseluruhan hutang pinjaman atau telah berhenti kerja.

---

## (IX) BAYARAN BALIK MELALUI PENGELUARAN KWSP

### Soalan 1:

Bolehkah saya membuat bayaran balik melalui pengeluaran KWSP dan apakah syarat-syaratnya?

### Jawapan :

Boleh. Syarat-syarat bagi pengeluaran KWSP untuk tujuan bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan PTPTN adalah seperti berikut:

- i. Permohonan pengeluaran oleh Ahli:
  - Bagi pengajian Ijazah dan Diploma, perjanjian pinjaman/ pembiayaan pendidikan adalah dari 2 Januari 2001 ke atas.
- ii. Permohonan pengeluaran oleh Ibu/ Bapa peminjam:
  - Bagi Ijazah, perjanjian pinjaman/ pembiayaan pendidikan adalah dari April 2000 ke atas.
  - Bagi Diploma, perjanjian pinjaman/ pembiayaan pendidikan adalah dari 17 Januari 2006 ke atas.

---

### Soalan 2 :

Bagaimanakah cara/ kaedah pengeluaran KWSP bagi tujuan pembayaran?

### Jawapan :

Kaedah memohon pengeluaran KWSP adalah seperti berikut:

- i. Pelajar perlu mengisi Borang Pengesahan Baki Pinjaman/ Pembiayaan (terdapat dalam laman web PTPTN)/ di kaunter Ibu Pejabat PTPTN dan di One Stop Center, KL Sentral.
- ii. Lain-lain syarat dan perkara perlulah dirujuk terus kepada KWSP kerana KWSP mempunyai peraturan tersendiri mengenai kaedah memohon pengeluaran ini.

---

## (X) TEMPOH KEMAS KINI BAYARAN

### Soalan 1 :

Berapa harakah tempoh kemas kini maklumat yang diambil oleh PTPTN bagi mengemas kini penyata peminjam dan berapakah caj yang dikenakan untuk setiap transaksi?

### Jawapan :

Kaedah bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan berserta dengan caj bank dan tempoh kemas kini maklumat pinjaman/ pembiayaan pendidikan adalah seperti di Jadual 14 dan di Jadual 15:

# SOALAN-SOALAN LAZIM

**Jadual 14 : Kaunter PTPTN Dan Ejen-Ejen Pungutan**

Kaunter Bayaran	Caj Bank (RM)	Tempoh Kemas Kini (Hari Bekerja)
a) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)	0.00	Bulan berikutnya
b) Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	1.00	3 hari
c) Commerce International Merchant Bank (CIMB)	2.00	3 hari
d) Bank Simpanan Nasional (BSN)	1.00	3 hari
e) Pos Malaysia Berhad	2.00	7 hari (kemas kini hari Jumaat)

**Jadual 15 : Perbankan Internet**

Saluran Bayaran	Caj Bank (RM)	Tempoh Kemas Kini (Hari Bekerja)
a) Financial Processing Exchange (FPX)	0.50	Serta-merta
b) Bank Islam Malaysia Berhad ( <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a> )	1.00	3 hari
c) Commerce International Merchant Bank ( <a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a> )	0.50	3 hari
d) Maybank ( <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a> )	1.00	3 hari
e) RHB Bank ( <a href="http://www.rhb.com.my">www.rhb.com.my</a> )	1.00	7 hari (kemas kini hari Selasa)
f) Public Bank ( <a href="http://www.pbebank.com">www.pbebank.com</a> )	1.00	3 hari
g) Ambank ( <a href="http://www.ambankgroup.com">www.ambankgroup.com</a> )	1.00	3 hari
h) Pos Online ( <a href="http://www.posonline.com.my">www.posonline.com.my</a> )	0.50	3 hari

**Nota :**

Maklumat ini boleh juga didapati pada muka surat belakang penyata peminjam

---

**(XI) SENARAI HITAM**

**Soalan 1 :**

Bagaimanakah cara untuk mengetahui samada nama saya telah disenarai hitam?

**Jawapan :**

Semakan senarai hitam boleh dilakukan di laman web PTPTN (Semakan Senara Hitam Imigresen) atau hubungi Call Centre di talian **03-2080 4455**. Semakan juga boleh dilakukan melalui laman web Imigresen dengan menyemak status perjalanan. PTPTN turut menyediakan kemudahan semakan melalui perkhidmatan SMS dengan menaip: PTPTN LEGAL<JARAK>NOKP<JARAK>NOPIN dan hantar ke **33199**. Setiap SMS akan dikenakan caj sebanyak RM0.50 dan beroperasi 24 jam sehari.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## **Soalan 2 :**

**Apa yang perlu dilakukan sekiranya nama telah disenarai hitam?**

### **Jawapan :**

Peminjam dikehendaki mengemukakan permohonan rayuan rasmi berhubung rancangan pembayaran yang bakal dilaksanakan beserta dokumen-dokumen sokongan yang telah ditetapkan. Permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan dan Kutipan Balik, PTPTN.

---

## **Soalan 3 :**

**Apakah implikasinya, jika nama saya telah disenarai hitam?**

### **Jawapan :**

Peminjam akan dihalang daripada meninggalkan Malaysia/ keluar negara, tidak dapat untuk memperbaharui pasport dan permohonan baru akan ditolak oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia.

---

## **Soalan 4 :**

**Bolehkah saya membuat rayuan bagi pelepasan senarai hitam jika saya tidak mampu untuk menyelesaikan keseluruhan tunggakan secara sekali-gus?**

### **Jawapan :**

Peminjam boleh mengemukakan permohonan rayuan rasmi berhubung rancangan pembayaran yang bakal dibuat beserta dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:

- i. Surat rayuan rasmi.
- ii. Penyata KWSP terkini (sekiranya ada).
- iii. Salinan slip gaji terkini (sekiranya bekerja).
- iv. Surat tawaran belajar (jika masih belajar/ pengesahan pindaan tarikh tamat pengajian dari IPT jika masih belum menamatkan pengajian).

Permohonan hendaklah dihantar kepada Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan dan Kutipan Balik atau Panel Peguam PTPTN yang telah dilantik.

---

## **(XII) TINDAKAN SAMAN**

### **Soalan 1 :**

**Bagaimana untuk mengetahui samada saya telah dikenakan tindakan saman?**

### **Jawapan :**

Semakan saman boleh dilakukan dengan menghubungi Call Centre di talian **03-2080 4455**.

---

## **Soalan 2 :**

**Apa yang perlu dilakukan sekiranya saya telah dikenakan tindakan saman?**

### **Jawapan :**

Peminjam dikehendaki mengemukakan permohonan rayuan rasmi berhubung rancangan pembayaran yang bakal dilaksanakan beserta

# SOALAN-SOALAN LAZIM

dokumen-dokumen sokongan yang telah ditetapkan. Permohonan tersebut hendaklah dirujuk/ dihantar kepada Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan dan Kutipan Balik, PTPTN atau Panel Peguam PTPTN yang telah dilantik.

---

**Soalan 3 :**

Saya telah dikenakan tindakan saman dan saya tidak mampu untuk membuat bayaran sekaligus. Apakah kesannya?

**Jawapan :**

Penghakiman ingkar atau persetujuan akan direkodkan, dan faedah 8% setahun akan dikenakan ke atas keseluruhan pinjaman. Permohonan rayuan rasmi berhubung rancangan pembayaran yang bakal dilaksanakan hendaklah dikemukakan kepada Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan dan Kutipan Balik, beserta dokumen-dokumen sokongan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i. Surat rayuan rasmi.
- ii. Penyata KWSP terkini (sekiranya ada).
- iii. Salinan slip gaji terkini (sekiranya bekerja).
- iv. Surat tawaran belajar (jika masih belajar/ pengesahan pindaan tarikh tamat pengajian dari IPT jika masih belum menamatkan pengajian).

---

**E. SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)****Soalan 1 :**

Apakah SSPN?

**Jawapan :**

SSPN adalah merupakan satu instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi.

---

**Soalan 2 :**

Apakah objektif SSPN?

**Jawapan :**

Membudayakan tabiat menabung dikalangan warganegara Malaysia bagi tujuan pendidikan tinggi terutama golongan berpendapatan rendah.

---

**Soalan 3 :**

Siapakah yang layak untuk membuka akaun SSPN?

**Jawapan :**

Pembukaan akaun SSPN terbahagi kepada tiga kategori had umur seperti berikut:

Kategori 1 : Akaun dibuka oleh ibu bapa/ penjaga atau warganegara Malaysia yang lain untuk mana-mana warganegara Malaysia yang belum mencapai umur 29 tahun.

Kategori 2 : Warganegara yang berumur 18 tahun ke atas mempunyai pilihan samada untuk mengekalkannya atau membuka akaun diri sendiri.

Kategori 3 : Warganegara yang berumur 29 tahun ke atas, perlu membuka akaun diri sendiri.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

## Soalan 4 :

Bagaimanakah caranya untuk membuka akaun SSPN?

### Jawapan :

Akaun SSPN boleh dibuka di kaunter perkhidmatan PTPTN di One Stop Center, KL Sentral dan semua cawangan ejen SSPN di seluruh negara dengan jumlah simpanan minimum RM20. Dokumen yang perlu disertakan semasa membuka akaun ialah :

- i. Salinan MyKad/ Kad Tentera/ Kad Polis pemohon.
- ii. Salinan Sijil Kelahiran/ MyKid/ MyKad anak.
- iii. Surat Perakuan/ Sijil Anak Angkat (bagi ibu bapa yang ingin membuka akaun bagi anak angkat di bawah jagaan sah mereka).

---

## Soalan 5 :

Apakah keistimewaan menyimpan dengan SSPN?

### Jawapan :

SSPN menawarkan keistimewaan berikut:

- i. Pelepasan cukai ke atas simpanan bersih tahun semasa sehingga RM3,000 setahun.
- ii. Perlindungan insurans secara percuma ke atas pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas\*.
- iii. Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak\*\*.
- iv. Simpanan serendah RM20 pada bila-bila masa dan dijamin oleh Kerajaan.
- v. Kadar dividen yang kompetitif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan.
- vi. Kemudahan menyimpan di lebih 1,500 ejen SSPN di seluruh negara.
- vii. Kemudahan simpanan melalui potongan gaji.

### Nota :

\* Perlindungan insurans berupa manfaat dan/ atau khairat kematian hanya layak untuk pendeposit yang berumur 18 tahun hingga 65 tahun. Sementara penerima manfaat yang berumur 1 hari hingga 28 tahun hanya layak mendapat khairat kematian jika berlaku kematian ke atasnya. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan.

\*\* Pendeposit mempunyai pendapatan bulanan keluarga (gaji pokok) tidak melebihi RM2,000 sebulan layak dipertimbangkan pemberian Geran Sepadan apabila anak diterima dan mendaftar masuk ke mana-mana IPT yang diiktiraf oleh Kerajaan, penerima manfaat hendaklah belum mencapai umur 29 tahun semasa permohonan pengeluaran Geran Sepadan dan tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh pengajian penerima manfaat.

---

## Soalan 6 :

Adakah akaun SSPN boleh dibuka pada bila-bila masa?

### Jawapan :

Akaun SSPN boleh dibuka pada bila-bila masa tertakluk kepada syarat-syarat pembukaan akaun.

---

## Soalan 7 :

Apakah saluran simpanan SSPN?

### Jawapan :

Kaedah dan saluran simpanan SSPN seperti di Jadual 16:

# SOALAN-SOALAN LAZIM

Jadual 16 : Kaedah Simpanan SSPN

BIL	SALURAN	AGENSI/ EJEN
1.	Kaunter	<ul style="list-style-type: none"><li>• One Stop Center PTPTN, KL Sentral</li><li>• Bank Simpanan Nasional</li><li>• CIMB Bank Berhad</li><li>• Agro Bank</li><li>• Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad</li><li>• Bank Islam Malaysia Berhad</li><li>• Maybank</li></ul>
2	Potongan Gaji	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kakitangan Awam:<ul style="list-style-type: none"><li>- Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)</li><li>- Perbendaharaan Negeri</li><li>- Badan Berkanun</li><li>- Pihak Berkuasa Tempatan</li></ul></li><li>• Kakitangan Swasta:<ul style="list-style-type: none"><li>- Persetujuan majikan masing-masing</li></ul></li></ul>
3.	Laman Web PTPTN (e-SSPN) Melalui Financial Processing Exchange (FPX)	<ul style="list-style-type: none"><li>• CIMB Bank Berhad</li><li>• Bank Islam Malaysia Berhad</li><li>• Maybank</li><li>• Hong Leong Bank</li><li>• Public Bank Berhad</li></ul>
4.	Secara Dalam Talian Melalui MyBayar	<ul style="list-style-type: none"><li>• Portal Rasmi Kerajaan Malaysia (<a href="http://www.malaysia.com.my">www.malaysia.com.my</a>)</li></ul>
5.	Perbankan Internet	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank (<a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a>)</li><li>• CIMB Bank Berhad (<a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a>)</li></ul>
6.	Automated Teller Machine (ATM) dan Cash Deposit Machine (CDM)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank</li><li>• Bank Simpanan Nasional</li></ul>
7.	Arahan Tetap	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank</li><li>• Bank Simpanan Nasional</li></ul>
8.	Phone Banking	<ul style="list-style-type: none"><li>• Maybank</li></ul>
9.	Autodebit	<ul style="list-style-type: none"><li>• Agro Bank</li></ul>

## Soalan 8 :

Bolehkah penerima manfaat mempunyai lebih daripada satu akaun?

### Jawapan :

Seseorang penerima manfaat boleh mempunyai lebih daripada satu akaun iaitu akaun yang dibuka oleh ibu atau bapa atau penjaga atau mana-mana warganegara Malaysia yang lain.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

---

**Soalan 9 :**

Adakah pendeposit dan penerima manfaat mesti terdiri dari ahli keluarga terdekat?

**Jawapan :**

Tidak semestinya kerana mana-mana warganegara Malaysia boleh membuka akaun untuk warganegara Malaysia yang lain.

---

**Soalan 10 :**

Sekiranya penerima manfaat telah mencapai umur 29 tahun, adakah akaun SSPN perlu ditukar ke akaun diri sendiri?

**Jawapan :**

Ya, akaun tersebut hendaklah ditutup dan penerima manfaat tersebut hendaklah membuka akaun diri sendiri sekiranya ingin meneruskan simpanan dalam SSPN.

---

**Soalan 11 :**

Berapa lama proses permohonan pembukaan akaun SSPN?

**Jawapan :**

Proses permohonan pembukaan akaun SSPN mengambil masa tidak lebih 14 hari bekerja selepas penerimaan dokumen permohonan yang lengkap. PTPTN akan menghantar Kad SSPN beserta surat iringan kepada pendeposit.

---

**Soalan 12 :**

Adakah Kad SSPN berfungsi seperti kad ATM bank?

**Jawapan :**

Kad SSPN bukan kad ATM bank yang boleh digunakan bagi tujuan pengeluaran simpanan. Kad ini adalah sebagai pengesahan pembukaan akaun SSPN.

---

**Soalan 13 :**

Bagaimakah cara untuk mendapatkan Kad SSPN yang baru sekiranya Kad SSPN sedia ada telah hilang?

**Jawapan :**

Pendeposit hendaklah memaklumkan kepada PTPTN mengenai kehilangan Kad SSPN melalui surat, aduan dalam talian (<http://icare.ptptn.gov.my>) atau hubungi Call Centre di talian **03-2080 4455**.

---

**Soalan 14 :**

Apakah keistimewaan simpanan secara potongan gaji?

**Jawapan :**

- i. Memudahkan simpanan secara tetap dan konsisten.
- ii. Menjimatkan masa dan kos tanpa perlu ke Kaunter Perkhidmatan PTPTN di One Stop Center, KL Sentral atau ejen SSPN.
- iii. Menanamkan sikap jimat cermat serta melahirkan sikap budaya menabung.

---

**Soalan 15 :**

Bagaimakah caranya untuk memulakan/ menamatkan simpanan secara potongan gaji?

**Jawapan :**

Pendeposit perlu mengisi dan melengkapkan Borang Kebenaran/ Penamatan Potongan Gaji Bulanan SSPN yang boleh didapati di kaunter perkhidmatan PTPTN di One Stop Center, KL Sentral, dan ejen SSPN atau mencetak borang tersebut

# SOALAN-SOALAN LAZIM

melalui laman web PTPTN. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada majikan dan salinan kepada PTPTN.

---

**Soalan 16 :**

Bolehkah simpanan SSPN digunakan untuk membuat bayaran balik pembiayaan pendidikan PTPTN atau agensi lain?

**Jawapan :**

Pendeposit boleh mengeluarkan simpanan SSPN untuk apa-apa tujuan pada bila-bila masa.

---

**Soalan 17 :**

Adakah simpanan SSPN dipotong secara automatik sekiranya penerima biaya tidak membuat bayaran balik pinjaman/ pembiayaan pendidikan PTPTN mengikut tempoh yang telah ditetapkan?

**Jawapan :**

Tidak. SSPN dan Skim Pinjaman Pendidikan adalah skim yang berbeza walaupun kedua-duanya di bawah PTPTN.

---

**Soalan 18 :**

Bagaimanakah untuk mengetahui baki simpanan SSPN?

**Jawapan :**

PTPTN akan menghantar Penyata Akaun SSPN kepada pendeposit setahun sekali. Penyata Akaun SSPN boleh disemak atau dicetak melalui laman web PTPTN. Sementara semakan baki akaun boleh dilakukan melalui SMS dengan menaip: PTPTN SSPN->JARAK>NO AKAUN SSPN dan hantar ke **33199**. Setiap SMS akan dikenakan caj sebanyak RM0.50 dan beroperasi 24 jam sehari dan semakan juga boleh dibuat dengan menghubungi Call Centre di talian **03-2080 4455**.

---

**Soalan 19 :**

Bilakah simpanan SSPN boleh dikeluarkan?

**Jawapan :**

Simpanan SSPN boleh dikeluarkan pada bila-bila masa tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh PTPTN dari semasa ke semasa.

---

**Soalan 20 :**

Siapakah yang boleh mengeluarkan simpanan SSPN?

**Jawapan :**

Pendeposit sahaja yang boleh mengeluarkan simpanan SSPN.

---

**Soalan 21 :**

Adakah caj dikenakan jika ingin mengeluarkan simpanan SSPN?

**Jawapan:**

Tiada caj dikenakan.

---

**Soalan 22 :**

Bagaimanakah caranya untuk mengeluarkan simpanan SSPN?

**Jawapan :**

Pendeposit hendaklah mengisi dan melengkapkan dokumen berikut serta mengemukakan melalui ejen SSPN atau diposkan terus kepada PTPTN:

- i. Slip Pengeluaran Deposit/Tuntutan Geran Sepadan atau Borang Pengeluaran/ Penutupan Akaun/ Tuntutan Geran Sepadan.

# SOALAN-SOALAN LAZIM

- ii. Salinan MyKad/ Kad Tentera/ Kad Polis pendeposit yang disahkan oleh pihak yang diberi kuasa.
- iii. Salinan Kad SSPN yang disahkan oleh pihak yang diberi kuasa.
- iv. Salinan muka hadapan buku akaun simpanan/ penyata akaun pendeposit sekiranya ingin wang simpanan tersebut dikreditkan ke akaun pendeposit.

---

## Soalan 23 :

Berapa lama proses pengeluaran simpanan/ penutupan akaun?

### Jawapan :

Proses permohonan pengeluaran simpanan/ penutupan akaun mengambil masa tidak lebih 14 hari bekerja selepas penerimaan dokumen permohonan yang lengkap.

---

## Soalan 24 :

Sekiranya pendeposit meninggal dunia, bagaimanakah proses penutupan akaun SSPN?

### Jawapan :

Sekiranya simpanan dalam akaun SSPN kurang daripada RM1,000, waris hendaklah mengisi dan melengkapkan dokumen berikut serta mengemukakan melalui ejen SSPN atau diposkan terus kepada PTPTN.

- i. Borang Penutupan Akaun atau Borang Pengeluaran/ Penutupan Akaun/ Tuntutan Geran Sepadan.
- ii. Salinan MyKad/ Kad Polis/ Kad Tentera waris yang disahkan oleh pihak yang diberi kuasa.
- iii. Kad SSPN.
- iv. Sijil Kematian pendeposit yang disahkan oleh pihak yang diberi kuasa.
- v. Borang Pengesahan Waris kepada pendeposit SSPN (simati) dan disahkan oleh pihak diberi kuasa.
- vi. Borang Bon Tanggung Rugi yang disediakan oleh PTPTN serta dimatikan Setem Hasil bernilai RM10.
- vii. Salinan muka hadapan buku akaun simpanan/penyata akaun waris sekiranya ingin wang simpanan tersebut dikreditkan ke akaun waris.

Manakala sekiranya simpanan dalam akaun SSPN berjumlah RM1,000 dan ke atas, waris hendaklah mengisi dan melengkapkan dokumen berikut serta mengemukakan melalui ejen SSPN atau diposkan terus kepada PTPTN.

- i. Borang Penutupan Akaun atau Borang Pengeluaran/ Penutupan Akaun/ Tuntutan Geran Sepadan.
- ii. Salinan MyKad/ Kad Polis/ Kad Tentera waris yang disahkan oleh pihak yang diberi kuasa.
- iii. Kad SSPN.
- iv. Sijil Kematian pendeposit yang disahkan oleh pihak yang diberi kuasa.
- v. Mengemukakan salah satu dokumen berikut daripada mana-mana badan yang dilantik (asal dan salinan yang disahkan oleh pihak yang mengeluarkan surat kuasa):
  - Surat Kuasa Mentadbir/ Geran Probet (Petisyen di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959) yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Malaysia; atau
  - Surat Kuasa Mentadbir yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah; atau
  - Surat Kuasa Pentadbiran yang dikeluarkan oleh Amanah Raya Berhad Seksyen 17 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akuan/ Arahan).

7



# Direktori Penting



# DIREKTORI PENTING



## 7. DIREKTORI PENTING - PENGURUSAN

### **EN. AGOS B. CHOLAN**

KETUA EKSEKUTIF

No. Telefon (pejabat) : 03-2098 3737  
No. Faks : 03-2094 2769  
E-mel : agos@ptptn.gov.my  
PA : Pn. Zuraishah bt. Abdul Karim  
E-mel : zuraisah@ptptn.gov.my

### **EN. WAN AHMAD B. WAN YUSOFF**

KETUA PEGAWAI OPERASI

No. Telefon (pejabat) : 03-2098 3739  
No. Faks : 03-2094 2769  
E-mel : wanahmad@ptptn.gov.my  
PA : Pn. Norizan bt. Godel  
E-mel : izan@ptptn.gov.my

### **YM. HJ. TUAN DIN B. TUAN MAT**

PENGURUS KANAN

Bahagian Pelaburan

No. Telefon (pejabat) : 03-2098 3767  
No. Faks : 03-2094 2769  
E-mel : tuandin@ptptn.gov.my  
PA : Pn. Zurina bt. Zainal Abidin  
E-mel : zurina@ptptn.gov.my

### **EN. WAN MUSTAPHA B. HJ. YUSOFF**

PENGURUS KANAN

Sektor Pengurusan

No. Telefon (pejabat) : 03-2098 3745  
No. Faks : 03-2094 2769  
E-mel : mustapha@ptptn.gov.my  
PA : Pn. Asnah bt. Mustaffa  
E-mel : asnah@ptptn.gov.my

### **PN. TEH BT. HAMID**

PENGURUS KANAN

Bahagian Pinjaman Pendidikan

No. Telefon (pejabat) : 03-2098 3748  
No. Faks : 03-2098 3769  
E-mel : teh@ptptn.gov.my  
PA : Norhayati binti Mohd Nor  
E-mel : norhayati@ptptn.gov.my

### **EN. MOHD RUSDI B. ISMAIL**

PENGURUS KANAN

Bahagian Penguatuasaan dan Kutipan Balik  
No. Telefon (pejabat) : 03-2098 3686  
No. Faks : 03-2096 1072  
E-mel : rusdi@ptptn.gov.my

### **TN. HJ. AHMAD ZUBER B. ISMAIL A.M.N.**

TIMBALAN PENGURUS KANAN

Bahagian Simpanan Pendidikan  
No. Telefon (pejabat) : 03-2098 6702  
No. Faks : 03-2098 6589  
E-mel : zuber@ptptn.gov.my

### **CIK MASTURA BT. MOHD KHALID**

TIMBALAN PENGURUS KANAN

Bahagian Akaun  
No. Telefon (pejabat) : 03-2098 2044  
No. Faks : 03-2093 4623  
E-mel: mastura\_khalid@ptptn.gov.my

### **EN. AHMAD FAHMIN B. HARIS**

TIMBALAN PENGURUS KANAN

Bahagian Teknologi Maklumat  
No. Telefon (pejabat) : 03-2098 6126  
No. Faks : 03-2095 1759  
E-mel : fahmin@ptptn.gov.my

### **EN. AZHAR B. AHMAD**

TIMBALAN PENGURUS KANAN

Bahagian Kewangan  
No. Telefon (pejabat) : 03-2098 6707  
No. Faks : 03-2094 2769  
E-mel : azhar@ptptn.gov.my

### **EN. NOOR HASRAN B. MOHD NOOR**

PENGURUS

Bahagian Khidmat Pengurusan  
No. Telefon (pejabat) : 03-2098 3751  
No. Faks : 03-2092 1925  
E-mel : hasran@ptptn.gov.my

### **EN. ESRIFARIDZ B. SUBOHI**

PENGURUS

Bahagian Korporat dan Dasar  
No. Telefon (pejabat) : 03-2098 3753  
No. Faks : 03-2094 2769  
E-mel : esrifaridz@ptptn.gov.my

### **EN. JOE HANNI B. MOHAMAD**

PENGURUS

Bahagian Call Centre  
No. Telefon (pejabat) : 03-2098 3703  
No. Faks : 03-2092 1590  
E-mel : joe@ptptn.gov.my

# 8

## Maklumat Perhubungan



# MAKLUMAT PERHUBUNGAN



## 8. MAKLUMAT PERHUBUNGAN

### PEJABAT UTAMA PTPTN

Lot G2, Tingkat Bawah  
Wisma Chase Perdana  
Off Jalan Semantan  
Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur

Telefon : **03-2080 4455** (Call Centre/Hotline)

**03-2098 3940/ 3820/ 2141/ 3825/ 3027/ 3420/ 3712** (Perhubungan Awam)

### ONE STOP CENTER

Unit 1 & 2A, 2B, Level 2  
Stesen Sentral Kuala Lumpur  
50470 Kuala Lumpur

### INFO CENTRE PTPTN – NEGERI SABAH

Tingkat M, Wisma Hasil (LHDNM)  
Jalan Tunku Abdul Rahman  
88600 Kota Kinabalu  
Sabah

Telefon : **088-230 467**

### INFO CENTRE PTPTN – NEGERI SARAWAK

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)  
Wisma Hasil  
Jalan Padungan  
93100 Kuching  
Sarawak

Telefon : **082-234 608/ 081**

### LAMAN WEB

<http://www.ptptn.gov.my>

### ADUAN/PERTANYAAN

<http://icare.ptptn.gov.my>

### E-FORUM

<http://app.mohe.gov.my/forum/>





**www.ptptn.gov.my**

(Call Centre/ Hotline) : 03-2080 4455

Laman Web : <http://www.ptptn.gov.my>

E-mel Aduan : <http://icare.ptptn.gov.my>

E-forum : <http://app.mohe.gov.my/forum/>

**PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana,  
Off Jalan Semantan, Damansara Heights,  
50490 Kuala Lumpur.